

Jilid I
Bil. 22



Hari Rabu
30hb Mac, 1983

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2637]

RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan (Pindaan dan Perluasan)
[Ruangan 2711]

Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) [Ruangan 2726]

Rang Undang-undang Perempuan Bersuami (Pindaan) [Ruangan 2735]

Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan) [Ruangan 2740]

MALAYSIA

PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Timbalan Yang Dipertua, DATO SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y.L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN BASHARON BIN HANAPIAH (Dilantik).
- „ DATO CHIN KIM YOONG, D.P.C.M., A.M.P., P.P.T. (Perak).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., P.M.K., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., J.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Johor).
- „ TUAN HAJI EBAN BIN HAJI SALLEH (Johor).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).
- „ DATO S. GOVINDARAJ, D.P.M.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAFSAH BIN OTHMAN (Dilantik).
- „ PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM *alias* HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN H'NG HUNG YONG (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).

- Yang Berhormat TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ DATO ISMAIL BIN HASHIM, D.P.S.M., K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik).
- „ DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN (Dilantik).
- „ TUAN R.M. JASNI, B.K. (Dilantik).
- „ DATO KAM WOON WAH, D.I.M.P., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN SYED KAMARULZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD, K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- „ TUAN KEE YONG WEE (Dilantik).
- „ TUAN KENNETH KANYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak).
- „ DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TUAN LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ DATO HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ DATO HAJI MOHD. NOR MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T., S.M.S., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN M. K. MUTHUSAMY, K.M.N., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Dilantik).
- „ PUAN NEN ADIBAH BINTI ABDULLAH (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).
- „ DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAH RAGAYAH BINTI ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHAHAROM BIN MAASOM (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik).

- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ DATO WONG SENG CHOW, A.M.N., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN HAJI TUAN YAACOB BIN HAJI ENSKU YUNUS, P.P.N. (Kelantan).
- „ DATO YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU, D.P.M.S. (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

 Rabu, 30hb Mac, 1983

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang Dipertua *memperkenalkan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

KONSEP 'QUALITY CIRCLE'

1. Tuan Tan Chang Soong minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah persediaan-persediaan yang telah dibuat oleh memperkenalkan konsep 'quality circle' dalam sistem pentadbiran Kerajaan;
- (b) sama ada kajian telah dilakukan terhadap betapa berkesannya konsep ini; dan
- (c) apakah persediaan-persediaan yang telah dan akan dijalankan supaya pegawai-pegawai biasa Kerajaan memahami konsep ini dengan lengkapnya untuk memastikan pelaksanaan yang kuat jaya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang Dipertua, persediaan yang telah diambil untuk memperkenalkan konsep 'quality

circle' ataupun kumpulan kawalan mutu kerja adalah seperti berikut:

(a) Mendedahkan pegawai-pegawai di peringkat pengurusan atasan kepada konsep ini melalui seminar-seminar pengurusan, menyebarkan konsep ini melalui ceramah-ceramah yang diadakan oleh INTAN untuk agensi-agensi Kerajaan dan kesatuan-kesatuan sekerja, menghantar pensyarah-pensyarah INTAN menghadiri kursus-kursus mengenai quality control yang dianjurkan oleh sektor swasta dan institusi-institusi yang berkenaan. Pegawai-pegawai INTAN juga telah dihantar menghadiri "Convention of Work Improvement Teams in Singapore" dalam bulan November, 1982, dan dengan bantuan Civil Service Institute dari Singapura INTAN telah menganjurkan persembahan pengurusan 'quality circle' di INTAN pada 18hb Mac, 1983 dengan dihadiri oleh lebih 500 orang peserta dari semua peringkat Kerajaan.

(b) Kajian belum dilakukan terhadap kekesanan konsep ini kerana kekesanan konsep ini akan hanya dapat dikesan selepas sistem itu dilaksanakan di negara Malaysia. Walaupun begitu, tentang kekesanan konsep ataupun sistem ini di negeri Jepun, ini adalah jelas dan sudah diakui oleh dunia tentang kebaikannya.

(c) INTAN sedang menjalankan latihan untuk penyelarasan atau facilitator kumpulan meningkat

mutu kerja ini. Bagi tahun ini 8 kursus telah dirancang, selanjutnya fasilitator-fasilitator ini akan melatih ketua-ketua kumpulan dalam jabatan masing-masing. Ketua-ketua kumpulan seterusnya akan melatih kakitangan mereka untuk melaksanakan sistem 'quality circle' ini. Berkenaan panduan mengenai pelaksanaan meningkatkan mutu kerja telah juga disediakan untuk digunakan oleh fasilitator yang telah diberi latihan.

WARAN PENCEN— PENGGADAIAN

2. Tuan K. Kumaran minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar atau tidak waran-waran pencen digadaiakan oleh pesara-pesara kepada 'moneylenders' dan orang perseorangan dan akhirnya pesara-pesara ini diexploitaskan oleh 'moneylenders' ini; jika sedar nyatakan tindakan Kerajaan untuk mengelakkan perkara ini daripada berlaku lagi.

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, waran-waran pencen yang dikeluarkan kepada pesara mengandungi syarat yang tidak boleh dipindah milik kerana pencen adalah hak pesara itu. Walau bagaimanapun, dalam sistem bayaran pencen melalui waran pos, peraturan memberi kuasa perwakilan telah dibuat untuk kemudahan pesara-pesara yang uzur, yang tidak upaya hadir sendiri menukarkan waran-waran itu kepada wang tunai. Kerajaan menyedari peraturan memberi kuasa perwakilan boleh disalahgunakan oleh pesara dengan cara yang dimaksudkan itu walaupun pada masa ini Kerajaan belum ada bukti yang kejadian seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah berlaku. Dan juga untuk mengatasi masalah demikian, Kerajaan telah menukarkan sistem bayaran pencen melalui waran pos itu kepada sistem bayaran pencen melalui

waran cek yang dilaksanakan semenjak bulan Ogos, 1981. Waran-waran cek yang dikeluarkan kepada pesara-pesara boleh ditunaikan sendiri di mana-mana bank perdagangan pun. Jika pesara tidak mempunyai kira-kira bank dan tidak dapat pergi ke bank sendiri kerana keuzuran, dia boleh mengaturkan dengan bank-bank berkenaan supaya seseorang yang dinamakan oleh pesara berkenaan dibenarkan menerima wang pencen waran cek bagi pihak dirinya. Di mana-mana tidak ada kemudahan bank perniagaan, pembayaran pencen melalui waran pos masih diteruskan tetapi peraturan memberi kuasa perwakilan telah diubah caranya dengan memperolehi kebenaran daripada Pegawai Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam terlebih dahulu.

Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soalan tambahan. Tuan Yang Dipertua, saya ingin hendak bertanya sama ada benar ataupun tidak banyak orang memperkatakan iaitu pencen pesara-pesara yang telah lama bersara, iaitu pesara yang balik ke negeri asal mereka masing-masing, tetapi ada yang telah meninggal dunia tetapi mereka itu masih menerima lagi pencen tiap-tiap bulan yang mereka katakan, mereka menggunakan cap jari iaitu dipotong, sungguhpun sudah mati jarinya tinggal lagi, jari itulah digunakan tiap-tiap bulan. Saya hendak bertanya sama ada benar ataupun tidak sebab banyak orang mengatakan perkara itu berlaku.

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, memang banyak orang buat cerita yang macam itu tetapi di Jabatan Perkhidmatan Awam tidak ada bukti yang berkenaan.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Puan Hajjah Nafsah binti Osman.

Puan Ragayah binti Ariff: Tuan Yang Dipertua, dengan izin, soalan No. 3.

SEKOLAH BARU— PEMBINAAN DITANGGUHKAN

3. Puan Ragayah binti Ariff (di bawah S. O. 23(2)) minta Menteri Pelajaran menyatakan dalam keadaan kemelesetan ekonomi negara sekarang, sama ada Kerajaan akan membatalkan pembinaan sekolah-sekolah baru buat sementara waktu, jika ya, nyatakan projek-projek sekolah yang dibatalkan itu.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semasa negara menghadapi kemelesetan ekonomi dan melaksanakan jimat cermat, beberapa projek Kementerian Pelajaran yang hanya dalam peringkat perancangan sebenarnya ditunda sehingga ke satu masa yang lebih mengizinkan. Walau bagaimanapun di mana keadaan dipastikan sebagai memerlukan dan terdesak, Kementerian Pelajaran akan meneruskan projek-projek pembinaan sekolah, penambahan bilik-bilik darjah dan penggantian bangunan-bangunan lama sekolah. Ini bermakna Kementerian perlu meneliti keutamaannya dan memastikan mana-mana projek yang dijalankan dan mana-mana projek yang harus ditangguhkan. Dengan ini, Kementerian Pelajaran tidak dapat menyenaraikan projek-projek yang ditangguh kerana senarai demikian bergantung kepada kesesuaian masa, desakan keperluan dan keutamaan.

Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh: Soalan tambahan. Kalau mengikuti daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri jelas bahawa projek-projek dalam perancangan sahaja yang ditangguhkan. Tetapi saya suka membuat pertanyaan, saya dapati mengikut kenyataan rasmi daripada Jabatan Kerja Raya, buat masa sekarang ini walaupun tendernya sudah dikeluarkan tetapi tendernya

sahaja belum dibuat keputusan, projek seperti ini juga ditangguhkan. Adakah benar atau tidak?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, saya telah mengatakan tadi projek-projek yang dirancang ditangguhkan. Ini bermakna projek-projek yang sudah dikeluarkan tender jika keadaan memerlukan dan jika ada desakan, ianya boleh ditimbang, seperti jawapan saya tadi.

Tuan Abdul Wahab bin Abu Bakar: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Sepanjang jalan semasa dekat pilihanraya yang baru lalu rancangan-rancangan sekolah ditulis dengan papantanda di tepi jalan: "Rancangan Malaysia Keempat, Pembinaan Sekolah Tambahan"—pemborong tidak ada, tarikh mula kerja tidak ada. Selama mana kita hendak tutup mata rakyat dalam perkara ini? Itu minta jawapan.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, nampaknya soalan ini lari daripada soalan asal.

RANCANGAN EHWAL SEMASA RTM

4. Dato G. Pasamanickam minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pemberita-pemberita akhbar keturunan India tidak langsung dijemput untuk menduduki panel program Ehwal Semasa TV Malaysia, mengapa perkara ini tidak dibetulkan sungguhpun beberapa kali soalan ini telah ditimbulkan dalam Dewan ini.

Timbalan Menteri Penerangan (Puan Rahmah binti Othman): Tuan Yang Dipertua, anggapan bahawa pemberita-pemberita berasal dari

satu-satu Kumpulan Jemaah Haji, kapal terbang terpaksa membuat 4 penerbangan bagi menyelesaikan tugasnya:

- (a) Sebelum Wukuf kapal haji akan bertolak dari KUALA LUMPUR/JEDDAH penuh dengan bakal-bakal haji dan balik kosong dari JEDDAH/KUALA LUMPUR.
- (b) Untuk balik pula, selepas Wukuf kapal terbang terpaksa pergi dari Kuala Lumpur kosong dan balik penuh.
Jadi untuk perbelanjaan minyak sahaja Penerbangan Catar terpaksa membayar lebih daripada Penerbangan Biasa.
- (ii) Untuk Penerbangan Catar, Tabung Haji terpaksa menjamin muatan sekurang-kurangnya 98% untuk satu penerbangan. Sekiranya kapal kosong, Tabung Haji hendaklah membayar tambang setakat 98% muatan penuh.
- (iii) Mengikut Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji apabila Jemaah Haji meninggal di Makkah, Tabung Haji hendaklah membayar balik 1/3 daripada tambangnya. Pada tahun 1982 sahaja Tabung Haji membayar balik tambang kepada waris Jemaah Haji yang meninggal dunia tidak kurang daripada \$280,000.00.
- (iv) Di samping itu bayaran royalty atau profit-sharing perlu juga dibayar kepada Syarikat Penerbangan Saudi Arabia (SAUDI)—kadarnya adalah US\$85.00 seorang.

- (v) Juga biasanya Jemaah Haji yang pergi melalui Penerbangan Swasta akan menghadapi beberapa masalah sewaktu singgah dalam perjalanan semasa pergi dan balik seperti di Dacca bagi BIMAN AIRLINE, Karachi bagi PIA, Bangkok dan Aman bagi ALIA.

Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman: Soalan tambahan. Mengikut kenyataan Yang Berhormat Menteri bahawa memang ada benarnya tambang swasta ini lebih murah sedikit tetapi apakah langkah yang telah diambil bagi menahan ataupun memberhentikan mereka yang pergi menunaikan haji melalui urusan sendiri atau swasta, kerana pernah berlaku pada tahun sudah dan beberapa tahun dahulu bahawa antara orang-orang yang pergi haji itu terkandas di negeri-negeri lain yang memalukan negara kita. Saya minta Yang Berhormat Menteri menjelaskan.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang Dipertua, tindakan yang kita boleh ambil, oleh sebab kita tidak ada provision berkenaan hendak menahan orang pergi haji, mengikut peraturan hanya kita mendapat kerjasama dengan Kedutaan Besar Saudi Arabia di sini yang menahan atau menasihatkan mana-mana kumpulan (group) yang hendak mengambil visa dari Kedutaannya di sini tidak diberikan melainkan orang-orang yang khas sahaja yang diberi visa untuk membuat haji. Itu sahajalah yang dapat kita laksanakan atau kita ambil tindakan untuk menahan jemaah haji pergi melalui kapal terbang swasta dan sehingga hari ini sudah banyak orang menyedari hakikat ini dan mereka yang terlantar di Karachi umpamanya, apabila balik ke tanahair menceritakan kesusahan dan kesulitan yang dialami oleh mereka yang tersebut, maka

berita ini telah tersibar di kampung-kampung dan kita dapati sudah begitu banyak berkurangan orang pergi haji melalui kapal terbang swasta.

Tuan Jaafar bin Harun: Beberapa tahun dahulu Kerajaan kita menguruskan pemergian jemaah haji itu dengan cara kapal laut tetapi sejak akhir-akhir ini Kerajaan telah menguruskan pemergiannya ialah dengan cara kapal terbang. Jadi apakah sebabnya ditukar cara pengangkutan itu?

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang Dipertua, pihak Tabong Haji telah membuat tawaran kepada rakyat dan mengambil rekod-rekod berapa orang yang mahu pergi dengan kapal laut dan berapa orang mahu pergi dengan kapal terbang. Jadi kita dapati yang mahu pergi dengan kapal laut hanya 120 orang sahaja, yang lain itu semuanya dengan kapal terbang. Jadi nampaklah bakal-bakal haji itu merasa lebih selesa dan senang pergi membuat haji dengan kapal terbang.

MURID—MEMBENTUK SIKAP CEKAP, BERSIH DAN AMANAH

8. Tuan R. M. Jasni minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam usaha membentuk sikap "Cekap Bersih dan Amanah" di kalangan murid-murid sekolah.

Dato Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, pelajaran dan pendidikan di sekolah-sekolah bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan perkembangan pengetahuan dan kemahiran murid-murid bahkan juga bertujuan untuk menyemai dan memperkukuhkan nilai-nilai sosio-budaya, nilai-nilai disiplin dan tanggungjawab yakni termasuk aspek

Bersih, Cekap dan Amanah. Kegiatan-kegiatan kurikulum dan co-kurikulum di sekolah adalah sebahagian daripada usaha-usaha untuk mencapai tujuan-tujuan tersebut Mata pelajaran-mata pelajaran seperti agama, moral, sivik, pendidikan amal, kesihatan, sains rumah tangga dan lain-lain mata pelajaran yang diajar ada mengandungi penyemaian sikap-sikap yang tersebut.

Demikian juga kegiatan-kegiatan ko-kurikulum seperti pasukan beruniform, kedet tentera, kedet polis, pengakap, pandu putri, pasukan bulan sabit merah dan pasukan St. John, persatuan-persatuan di sekolah, kegiatan sukan dan lain-lain adalah juga bertujuan antara lainnya memperkukuhkan sikap-sikap Bersih, Cekap dan Amanah.

Peraturan-peraturan sekolah dan lain-lain peraturan yang terdapat di sekolah adalah juga bertujuan demikian. Guru Besar dan guru-guru adalah sebahagian orang-orang yang paling dekat kepada murid-murid di sekolah dan harapan melalui Kepimpinan Melalui Tauladan akan dapat menyemai dan memperkukuhkan sikap-sikap seperti yang dimaksudkan itu.

PENUNTUT MALAYSIA DI JEPUN

9. Dato' Chin Kim Yoong minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan penuntut yang belajar di negeri Jepun dalam tahun 1980, 1981, 1982 dan penuntut-penuntut bagi tempoh sehingga 15-3-1983 tahun ini; dan sama ada Kerajaan bercadang menambahkan bilangan pelajar dan jumlah biasiswa untuk pelajar-pelajar yang belajar di Jepun.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di Jepun

terdiri dari dua kumpulan iaitu pertama, pemegang biasiswa Kementerian Pelajaran Jepun (Membush), dan yang kedua, pelajar-pelajar persendirian.

Bilangan pelajar-pelajar yang mendapat biasiswa Kerajaan Jepun mengikut tahun adalah seperti berikut:

	<i>Ijazah Pertama</i>	<i>Ijazah Lanjutan</i>
1980	8 orang	7 orang
1981	9 ..	4 ..
1982	5 ..	7 ..
1983 (sehingga 15/3/1983)	Tiada	Tiada
JUMLAH ..	<u>22 orang</u>	<u>18 orang</u>

Kerajaan memang bercadang untuk menghantar pelajar-pelajar untuk menuntut di universiti-universiti di negeri Jepun khususnya dalam bidang professional dan teknikal.

PADI—BANTUAN KUPON LPN

10. Puan Ragayah binti Ariff minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada Kementerian berkenaan bercadang untuk mengubah supaya kupon yang dikeluarkan oleh LPN untuk jualan padi, ditukar mengikut cara bantuan tanaman getah yang dikeluarkan oleh RISDA.

Menteri Perusahaan Utama (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang Dipertua, Skim Subsidi Harga Padi adalah merupakan skim subsidi bantuan harga berbanding dengan bantuan tanaman getah oleh RISDA yang merupakan bantuan tanaman semua. Dengan itu adalah didapati bahawa skim Subsidi Harga Padi melalui kupon adalah cara yang paling sesuai. Sebelum skim Hagi Padi ini dilaksanakan, beberapa cara termasuk pemberian subsidi berasaskan kepada keluasan tanah sawah yang ditanam dengan padi telah dipertimbangkan. Adalah didapati cara pemberian

subsidi melalui kupon dapat menggalakkan pesawah-pesawah untuk menambahkan hasil pengeluaran serta menjual padi mereka yang akan pula menambahkan beras di dalam edaran pasaran untuk memenuhi keperluan pengguna dan juga di samping memberi harga sewajarnya kepada petani. Dengan yang demikian Kerajaan tidak bercadang untuk mengubah cara pemberian subsidi ini kepada cara seperti yang dilaksanakan oleh RISDA.

Ingin saya maklumkan bahawa LPN sentiasa berusaha memperkemas lagi peraturan-peraturan dan sistem kawalan dan akan mengatasi sebarang masalah yang akan timbul.

KILANG PENAPIS MINYAK PETRONAS DI MELAKA

11. Tuan Loh Kee Peng minta Perdana Menteri menyatakan bilakah pembinaan Kilang Penapis Minyak PETRONAS yang bertempat di Tanjong Kling, Melaka itu akan dimulakan dan berapakah perbelanjaan yang dianggarkan.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Musa Hitam): Tuan Yang Dipertua, Kontrak Utama bagi kerja-kerja Kejuruteraan, Pembelian dan Pembinaan atas dasar "turnkey" dijangka akan diberi pada bulan April 1985. Kilang penapis ini dijangka akan siap dalam bulan April, 1988. Sementara itu beberapa aspek dan fakta tertentu sedang diteliti sebelum dilaksanakan projek ini sepenuhnya.

Taksiran penanaman modal bagi kilang penapis ini adalah seperti berikut:

M\$ Juta

- | | |
|---|-------|
| 1. Kos bagi kemudahan-kemudahan pembinaan termasuk kilang penapis "offsite" dan kemudahan-kemudahan tambahan. | 2,730 |
|---|-------|

2. Kos kepada tuanpunya tanah termasuk tanah, infrastruktur, kos-kos bagi bahan-bahan "catalyst"/kimia untuk memulakan kerja-kerja dan faedah sepanjang masa pembinaan.	560
3. Modal pusingan termasuk inventori-minyak mentah dan bahan-bahan petrolium.	860
	<hr/>
	4,150
	<hr/>

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Kee Yong Wee.

Tuan Loh Kee Peng: Tuan Yang Dipertua, soalan ke 12.

RANCANGAN BUKU HIJAU

12. Tuan Loh Kee Peng (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan:

- sama ada beliau bercadang menghidupkan semula Rancangan Buku Hijau sehingga dapat menampung keperluan barang-barang makanan dalam negara kita;
- sebab-sebab pelaksanaan Rancangan Buku Hijau ditangguhkan dalam tahun-tahun kebelakangan ini; dan
- kesan-kesan yang baik setelah Rancangan tersebut dilaksanakan.

Dato Musa Hitam: Tuan Yang Dipertua, Rancangan Buku Hijau yang dilancarkan pada akhir 1974 adalah khusus untuk menggalakkan rakyat bercucuk tanam dan berternak ayam dan itik sebagai salah satu usaha bagi mengatasi inflasi yang meningkat dengan tingginya pada ketika itu.

Apabila kempen tersebut menunjukkan kejayaan yang menggalakkan, Kerajaan telah

meningkatkan Rancangan Buku Hijau ke peringkat kedua pada 1976 di mana penegasan yang diberi adalah untuk melakukan kegiatan pertanian yang moden, intensif dan komersial. Sebagaimana Ahli-ahli yang Berhormat sedia maklum, peringkat kedua Rancangan Buku Hijau telah mencapai kejayaan yang tidak begitu memuaskan, sehingga lama-kelamaan minat rakyat berkurangan dan kesungguhan pihak Kerajaan juga telah menjadi reda selepas tahun 1978.

Ada berbagai faktor dan sebab yang boleh dicari dan diberi ke atas kegagalan kempen Rancangan Buku Hijau peringkat kedua dan kejayaannya pada peringkat pertama dahulu. Tetapi yang terpenting adalah masalah pemasaran yang dihadapi oleh para penternak/penanam (Petani dan bukan petani) yang telah berjaya menghasilkan keluaran-keluaran mereka berlebihan dari keperluan sendiri, malahan berlebihan daripada kehendak-kehendak atau permintaan para pengguna sendiri.

Kita semua faham bahawa dalam menjalankan pengeluaran dan perniagaan barang atau bahan makanan yang mudah busuk (perishable goods) soal pengangkutan, pemasaran, penyetoran (storage) dan pengawetan/prosesan adalah amat penting. Keseluruhan kegiatan dari kejayaan kempen adalah bergantung kepada rantaian kegiatan-kegiatan yang berkenaan itu dijalankan dengan sempurna, terselaras dan cekap, dengan mengambilkira harga, mutu dan permintaan (demand) di peringkat pasar.

Kempen peringkat pertama Rancangan Buku Hijau yang memberi penegasan kepada slogan "bercucuk tanam untuk keperluan sendiri" telah mencapai kemuncak kejayaannya pada kira-kira tahun 1976. Kempen peringkat kedua Rancangan Buku

Hijau yang mengubah slogan itu kepada "bertani secara moden, intensif dan komersial" telah terbantut pada peringkat jagatbesarnya (at the total macro level) walaupun pada peringkat jagatkecil (micro level) terdapat kawasan-kawasan dan projek-projek yang berjaya. Malahan beberapa kawasan tersebut terus mempunyai projek pertanian yang moden, intensif dan komersial, dalam bentuk yang sekarang dipanggil sebagai "Projek Pertanian Berkelompok".

Saya ingin menegaskan bahawa meskipun matlamat dasar pertanian adalah termasuk juga hasrat menambah (kalau boleh mencukupkan) pengeluaran bahan-bahan makanan, Rancangan Buku Hijau tidak semesti dikaitkan dengan matlamat tersebut. Barangkali cara yang paling 'efficient' untuk mencukupkan keperluan negara adalah berasaskan pada prinsip perladangan besar-besaran yang menggunakan teknik dan teknologi tepat. Cara demikian dan apa juga kemungkinan lain ialah dalam bidang pengkajian dan pelaksanaan Kementerian Pertanian khususnya. Pada masa ini, saya berpendapat bahawa minat untuk bercucuk tanam bagi keperluan sendiri adalah perlu dihidupkan semula.

Saya sendiri telah mencadangkan usaha untuk menggiatkan semula Rancangan Buku Hijau, iaitu semasa saya berucap di upacara perlancahan Hari Peladang 1982 dahulu. Usaha Rancangan Buku Hijau dengan pendekatan yang diubahsuaikan hendaklah dipergiatkan semula untuk mencapai beberapa maksud seperti:

- (i) menggalakkan penggunaan sumber tanah dengan sepenuhnya;
- (ii) menggalakkan sifat rajin berusaha untuk menghasilkan keperluan sendiri;

- (iii) menggalakkan sikap berdikari sebanyak yang mungkin;
- (iv) menggalakkan sikap bekerjasama di kalangan rakyat, bukan sahaja dalam penggunaan sumber tanah dan tenaga manusia tetapi juga dalam menikmati hasil tanaman dan ternakan masing-masing;
- (v) menggalak dan menggembelungkan tenaga rakyat, pemimpin dan pegawai di peringkat tempatan supaya bertindak sebagai satu kumpulan.

Pihak Kerajaan sememangnya untuk menggalakkan pertumbuhan sifat-sifat tersebut itu, iaitu kerajinan, kerjasama dan berdikari melalui berbagai program dan projek. Salah satu daripadanya ialah Rancangan Buku Hijau yang tidak lagi akan bergantung kepada Kerajaan untuk mendapatkan benih, baja, tanah maupun kemudahan pemasaran. Rancangan Buku Hijau akan menegaskan usaha bercucuk tanam untuk keperluan keluarga, kampung dan mukim sahaja dengan menggunakan kesempatan dan kemampuan tenaga, modal, kepandaian dan tanah yang terdapat di sekitar rumah masing-masing.

Sekiranya kempen Rancangan Buku Hijau yang diubahsuaikan itu berjaya, bukan sahaja hasil pengeluaran pertanian akan meningkat, penjimatan perbelanjaan akan berlaku, tetapi sikap dan sifat bekerja rajin, berdikari dan bekerjasama di kalangan anggota masyarakat akan menjadi tabii kedua (second nature) kepada kita semua.

WANG ZAKAT FITRAH— KEGUNAAN

13. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyatakan sama

ada wang-wang zakat fitrah benar-benar digunakan mengikut undang-undang syariah.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang Dipertua, Majlis Agama Islam Negeri-negeri bertanggungjawab di atas pungutan wang zakat fitrah bagi negeri masing-masing. Segala pemberian atau penggunaannya adalah benar-benar mengikut kehendak dan peraturan hukum syarak iaitu pada asnal yang 8 seperti yang telah ditentukan berhak menerimanya yang juga berdasarkan kepada fatwa negeri masing-masing.

SISTEM KBSR (3M)— PELAKSANAAN

14. Dato' Yap Peng minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa guru-guru sekolah rendah terpaksa memikul tanggungjawab dan beban-kerja yang lebih akibat pelaksanaan Sistem KBSR (3M) dan ada di antara mereka yang telah meletakkan jawatan disebabkan oleh hal ini. Jika sedar, nyatakan tindakan beliau akan ambil supaya guru-guru di peringkat sekolah rendah tidak meninggalkan profesion mereka.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang Dipertua, Kementerian Pelajaran sedar bahawa berikutan dengan pelaksanaan kurikulum baru Sekolah Rendah (KBSR), beban kerja yang ditanggung oleh guru-guru bertambah terutama dalam mencukupkan bahan-bahan pelajaran yang Kementerian Pelajaran hanya membekalkan contoh-contohnya sahaja, dan dalam membina bahan-bahan tambahan yang sesuai dengan keadaan kelas masing-masing. Sungguhpun begitu beban ini hanya dirasai pada peringkat permulaan sahaja kerana bahan-bahan yang telah dibina oleh guru-guru itu boleh dipakai semula pada tahun-tahun yang berikut.

Untuk meringankan beban itu Kementerian Pelajaran telah menaikkan nisbah guru kelas menjadi 1.5 bagi kelas-kelas KBSR. Ini bermakna pada kiraannya setiap dua kelas KBSR tiga orang guru akan dibekalkan dan ini telah pun dilaksanakan.

Berkenaan dengan guru-guru yang meletakkan jawatan, sebab yang sebenarnya ialah masalah peribadi guru yang berkenaan itu masing-masing. Dalam kajian Kementerian pelaksanaan KBSR tidak ada sebenarnya kena-mengena dengan perletakan jawatan mereka, cuma disebut-sebut sebagai alasan semata-mata.

DRAF PELAN INDUK KUALA LUMPUR

15. Tuan Alexander Lee minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan jumlah penyampaian yang telah dibuat semasa perbincangan terbuka di atas Draf Pelan Induk dan sama ada beliau telah mengambil langkah-langkah untuk menyerap usul-usul yang dibuat oleh pihak awam ke dalam Draf Pelan Induk, dan bilakah Draf Pelan Induk ini dijangka akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang Dipertua, sebanyak 178 penyampaian atau bantahan telah dibuat terhadap Draf Pelan Struktur Kuala Lumpur. Dari jumlah ini 130 bantahan telah didengar sementara 48 pula tidak didengar.

Untuk bantahan yang didengar 88 bantahan telah diterima dari orang perseorangan, 7 dari Persatuan Iktisas, 6 dari organisasi politik 25 dari lain-lain badan dan kesatuan, 3 dari Pertubuhan Agama sementara 1 dari Jabatan Kerajaan.

Untuk bantahan yang tidak didengar sebanyak 19 bantahan telah diterima

dari orang perseorangan, 22 dari lain-lain badan dan Kesatuan, 2 dari Pertubuhan Agama dan 5 dari Jabatan dan Kementerian Kerajaan. Tarikh untuk menghantar bantahan awam adalah dari 1-9-1982 hingga 30-11-1982.

Untuk bantahan yang hendak didengar tarikh penerimaan bantahan adalah dari 1-9-1982 hingga 7-10-1982.

Pendengaran awam telah dijalankan dari 22-10-1982 hingga 12-11-1982 dan dalam tempoh ini sebanyak 130 bantahan yang diminta didengar telah dipertimbangkan oleh satu Jawatankuasa Mendengar Bantahan. Jawatankuasa ini terdiri daripada 22 orang, dari berbagai bidang dan profession, sebanyak 27 sesi bantahan telah diadakan dan selepas bantahan awam dan juga penamatan tempoh untuk menerima bantahan iaitu pada 30-11-1982. Jawatankuasa telah bertemu sebanyak 10 kali untuk membincangkan dan meneliti semua bantahan yang telah diterima.

Di masa ini Jawatankuasa masih meneliti bantahan-bantahan ini dan adalah dijangka bahawa 8 lagi perbincangan akan diadakan sebelum Jawatankuasa mengemukakan laporan mengenai bantahan kepada Datuk Bandar. Di dalam laporan ini Jawatankuasa akan menasihati Datuk Bandar tentang apa-apa perkara di dalam Deraf Pelan Struktur Kuala Lumpur yang perlu digubal semula. Laporan ini dijangka akan dihantar kepada Datuk Bandar pada penghujung bulan April 1983 dan selepas itu kepada Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan untuk persetujuan dan digezetkan.

Tentang pelaksanaan Deraf Pelan Struktur ianya adalah bergantung kepada sama ada pindaan yang dilakukan adalah besar ataupun tidak. Jika tidak terdapat kesilapan di peringkat tersebut maka adalah

dijangka bahawa Deraf Pelan Struktur akan dilaksanakan pada penghujung tahun ini.

Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya di dalam jumlah yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu bantahan-bantahan, saya ingin bertanya dari jumlah itu apakah bantahan yang terbesar sekali yang dikemukakan oleh orang ramai terhadap Pelan Induk Kuala Lumpur ini.

Tuan Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang Dipertua, daripada jumlah itu yang banyak sekali bantahan diterima ialah daripada orang perseorangan. Sebenarnya bantahan-bantahan yang dikemukakan adalah tidak merupakan soal-soal dasar ataupun strategi berkenaan Pelan Induk tetapi hal-hal yang berkaitan dengan kawasan ataupun tempat yang berkenaan, umpamanya diperlukan kemudahan-kemudahan asas, masalah-masalah berkaitan dengan perumahan, soal banjir dan soal-soal kecil berkenaan dengan kawasan-kawasan tertentu. Oleh sebab itu, ia tidak mengenai soal-soal pokok ataupun dasar dalam Pelan Induk itu.

KASTAM—LORONG EKSPRES PEMERIKSAAN

16. Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad minta Menteri Kewangan menyatakan hasil dan kemudahan yang telah diperlohi melalui lorong ekspres pemeriksaan kastam.

Dato' Dr Ling Ling Sik: Tuan Yang Dipertua, buat masa ini lorong pemeriksaan kastam tidak wujud di mana-mana stesen kastam di dalam negeri ini. Walau bagaimanapun di Johor Bahru terdapat satu lorong yang dipanggil Lorong Keutamaan

yang biasanya digunakan oleh orang-orang yang tertentu yang telah mendapat kebenaran terlebih dahulu dari pihak Kastam.

Tujuan Lorong Keutamaan ini adalah untuk memudahkan dan mempercepatkan urusan perjalanan mereka. Walau bagaimanapun mereka ini tidaklah dikecualikan dari pemeriksaan Imigresen dan Kastam dan cukai-cukai yang biasa juga adalah dikenakan ke atas mereka. Jumlah hasil yang dipungut daripada pihak tersebut tidak dapat ditentukan kerana rekod berasingan yang dipungut daripada mereka tidak disimpan. Pungutan hasil adalah dimasukkan ke dalam satu akaun bersama-sama dengan pungutan hasil yang lain.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Soalan saya yang sebetulnya menuju perkara lorong ekspres pemeriksaan kastam di lapangan terbang-lapangan terbang seperti dinamakan dalam bahasa Inggeris 'green lane'.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang Dipertua, buat masa ini tidak ada lorong 'green lane'.

UNIVERSITI KEENAM

17. Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Universiti Keenam di negara ini boleh didirikan dalam negeri Perak.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, telah pun diumumkan iaitu cadangan mendirikan kampus Universiti Keenam itu kemungkinannya di negeri Kedah.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Mengikut di dalam akhbar bahawa Universiti Keenam ini

akan ditangguhkan. Apakah sebab-sebabnya Universiti tersebut akan ditangguhkan?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, Unit Pelajaran Tinggi Kementerian Pelajaran sedang membuat kajian yang teliti mengenai perancangan dan pembinaan universiti keenam ini. Jadi dalam hal ini kita belum lagi menentukan perkiraan-perkiraan seperti peruntukan dan lain-lain hal yang sewajarnya. Jadi dengan itulah Yang Berhormat Menteri Pelajaran berasaskan juga kepada keadaan ekonomi telah memutuskan dan mengumumkan supaya ia ditangguhkan.

Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soalan tambahan, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan rancangan Universiti Keenam ini akan diadakan di Kedah. Saya ingin bertanya di sini adakah pihak Kementerian ataupun Kerajaan memikirkan jika kita dirikan di negeri Kedah, saya bukan membantah—tidak, tetapi adakah kita memikirkan soal-soal sosial ataupun keselamatan penuntut-penuntut kita nanti kerana di Kedah ataupun Perlis dekat sangat dengan sempadan Siam iaitu daripada sana kita tahulah dan Yang Berhormat pun faham, murid-murid ataupun penuntut-penuntut ini kemungkinan pergi malam-malam dan sebagainya ke sebelah sempadan dan di samping itu juga di sana juga punca datangnya dadah dan sebagainya yang ini senang sangat dapatnya benda-benda itu kepada penuntut-penuntut kita jikalau sekiranya perkara ini tidak diawasi. Saya tidak menentang tetapi adakah pihak Kerajaan memikirkan semasak-masaknya elok ataupun tidak, keburukan dan sebagainya.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, sudah tentu dalam mengumumkan sesuatu

perancangan khas mengenai Universiti Keenam ini kita telah mengambil kiraan semua aspek-aspek yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Tidakkah ada cadangan supaya dibuat di Selangor?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Cadangan kepada pembinaan Universiti keenam selain daripada yang diumumkan kemungkinannya di negeri Kedah.

SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL)

18. Puan Sri Datin Athi Nahappan minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar tentang keciciran yang serious di kalangan kanak-kanak keturunan India yang telah mendapat pelajaran di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil), jika sedar nyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengadakan kelas-kelas Tabika, seperti yang dikelolakan oleh KEMAS dan pihak berkuasa FELDA untuk estate-estate luar bandar kawasan-kawasan mundur (slum) di bandar.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat sebenarnya kurang jelas maksudnya. Kalau dengan perkataan 'keciciran' Ahli Yang Berhormat bermaksud keciciran dari peringkat rendah ke peringkat menengah, maka sebab musabab berlakunya keciciran itu bukanlah semata-mata kerana masalah-masalah yang berpunca dari sistem persekolahan. Kemungkinannya kanak-kanak tersebut tidak meneruskan pelajarannya ke peringkat menengah kerana ibubapanya berkehendakkan

tenaga mereka membantu di dalam kegiatan-kegiatan ekonomi atau kerja-kerja rumahtangga.

Suka saya tegaskan di sini dari segi mengadakan kemudahan-kemudahan pelajaran di negara ini Kementerian Pelajaran memberi kemudahan-kemudahan yang sama untuk semua jenis sekolah. Kanak-kanak dari keturunan India mendapat bantuan yang sama dengan kanak-kanak keturunan yang lain sama ada dari segi kemudahan pinjaman buku teks, rancangan makanan tambahan, kesihatan dan pergigian peruntukan per kapita dan lain-lainnya malahan dari segi kemudahan ini suka saya sebutkan bahawa terdapat beberapa buah sekolah rendah Jenis Kebangsaan Tamil di beberapa buah ladang yang tertentu yang mendapat kemudahan-kemudahan yang jauh lebih baik dari pihak pengurusan ladang daripada apa yang dapat diadakan oleh Kementerian Pelajaran sendiri.

Jika sekiranya pula dengan perkataan 'keciciran' Ahli Yang Berhormat bermaksud keciciran yang berlaku di peringkat sekolah rendah dari Darjah I hingga Darjah VI sebagai yang saya faham daripada soalan ini yang dikaitkan dengan kurangnya peluang-peluang pendidikan pra-sekolah, sukacitalah saya sebutkan untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa pada masa ini pendidikan pra-sekolah dengan kuatkuasa Akta Pelajaran, 1961 terletak di luar bidangkuasa Kementerian Pelajaran. Cuma yang dapat saya katakan bahawa pada masa ini Kementerian Pelajaran sedang menjalankan satu kajian yang mendalam mengenai pendidikan pra-sekolah dan akan mengemukakan pandangan serta perakuan kepada Kerajaan untuk tindakan seperluanya dalam Rancangan Malaysia Kelima dengan berdasarkan kepada dapatan-dapatan Kerajaan itu kelak.

KILANG MENGELUARKAN HABUK—KAWALAN

19. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan tindakan yang telah diambil terhadap kilang-kilang yang berhampiran dengan tempat kediaman orang ramai yang mengeluarkan habuk, jelaga dan asap.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya telah mengambil tindakan-tindakan ke atas kilang-kilang, termasuk yang berhampiran dengan tempat kediaman orang ramai, yang mengeluarkan habuk, jelaga dan asap mengikut peruntukan-peruntukan di bawah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978. Kilang-kilang itu adalah dikehendaki mengadakan alat-alat pengawalan yang sesuai, seperti memasang alat perangkap habuk dan lain-lain, supaya mematuhi had-had paras pelepasan yang telah ditetapkan di bawah undang-undang tersebut.

Pegawai-pegawai Penguatkuasaan Kementerian saya sentiasa mengadakan lawatan pemeriksaan ke kilang-kilang berkenaan untuk memastikan yang had paras pelepasan yang ditetapkan dipatuhi dengan sepenuhnya. Apabila aduan-aduan mengenai pencemaran udara diterima daripada orang ramai, penyiasatan juga dijalankan. Dalam hubungan ini, kilang-kilang yang didapati melanggar had pelepasan yang ditetapkan didenda atau dihadapkan di Mahkamah. Bagi kilang-kilang yang terletak terlalu hampir dengan kawasan kediaman dan yang tidak dapat mengadakan alat-alat kawalan kerana ketiadaan teknologi bersesuaian atau kos membiayai alat-alat kawalan terlalu tinggi, Kementerian saya menasihatkan Kerajaan Negeri atau Pihak Berkuasa

Tempatan dan pihak kilang-kilang berkenaan memindahkan kilang-kilang tersebut.

Tuan Haji Shahrom bin Maasom: Soalan tambahan. Kalau habuk, jelaga dan asap boleh ditangkap oleh alat yang dibuat, jadi bagaimana dengan kilang-kilang yang mengeluarkan bau busuk seperti bau getah dan bau najis ternakan. Adakah alat boleh menangkap bau busuk itu dan mengurangkan bau itu?

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Soalan itu memang lain daripada soalan berkenaan alat yang digunakan untuk tangkap asap.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Saya hendak bertanya pada Yang Berhormat, tadi dikatakan tindakan-tindakan sedang diambil kepada kilang-kilang dan sebagainya yang melanggar undang-undang ini. Di sini saya ingin tanya berapakah jumlahnya yang telah diambil tindakan sama ada didenda atau diminta mereka mengubahkilang dan sebagainya.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Untuk menjawab soalan ini, saya minta notis.

RAWATAN PERCUMA KEPADA PESAKIT KELAS TIGA

20. Dato' S. Govinda Raj minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau akan mempertimbangkan memberi rawatan perubatan percuma kepada pesakit-pesakit kelas tiga di Hospital-hospital Kerajaan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang Dipertua, sememang sebahagian daripada pesakit-pesakit wad kelas 3 di hospital-hospital Kerajaan diberi rawatan percuma dari dahulu juga. Tetapi Ahli Yang Berhormat mungkin sedar bahawa terdapat sebilangan

besar pesakit-pesakit lain di wad-wad kelas 3 yang bayaran hospital mereka adalah ditanggung oleh majikan di bawah syarat-syarat pekerjaan mereka. Terdapat juga pesakit-pesakit wad kelas 3 yang berkemampuan dan hendak membayar bayaran perubatan mereka. Saya fikir tidak wajar mereka ini diberi pengecualian dari membayar caj-caj yang telah dikenakan.

Di bawah Seksyen 16 (7) Perintah 'B', Perubatan Tahun 1982 telah tercatat bahawa Penguasa sesebuah hospital atau wakilnya diberi kuasa untuk mengecualikan sepenuhnya atau sebahagian pembayaran pesakit-pesakit wad kelas 3 yang tidak atau kurang mampu membayar bayaran hospital. Ini telah pun dilaksanakan. Pada amnya saya dapat menyatakan bahawa permintaan dari mereka yang berpendapatan kurang dari \$300 sebulan memang diberi pengecualian penuh. Lain-lain pesakit juga diberi layanan yang sama tertakluk kepada kedudukan mereka.

Saya harus juga menjelaskan bahawa pengecualian ini hanya diberi di atas permintaan daripada pesakit atau keluarganya.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Soalan tambahan. Di sini saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri berhubung layanan kepada pesakit-pesakit khususnya di kelas-kelas 3, kepada rakyat-rakyat yang mana sering kali kita dengar sekarang di atas perbuatan jururawat, doktor dan sebagainya dengan layanan yang tidak baik. Sungguhpun perkara ini telah kita bincang atau disuarakan dalam Dewan ini dan juga melalui suratkhbar dan seterusnya, tetapi masalah layanan jururawat ini makin berleluasa sekarang. Oleh itu saya ingin bertanya apakah tindakan pihak Kerajaan supaya perkara ini dapat diatasi?

Dato' K. Pathmanaban: Perkara layanan itu saya rasa lain daripada fee. Walau bagaimanapun saya haraplah jika ada aduan-aduan yang tertentu dikemukakan kepada kami dan kita mengambil perhatian tentang perkara ini.

SOGOSHOSHA—KEJAYAAN

21. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah progres berkenaan beberapa buah "sogoshosha" yang telah ditubuhkan setakat ini. Adakah Kerajaan berpuas hati dengan perkembangannya; kalau ya, harap nyatakan kejayaan-kejayaan yang telah diperolehi, sekiranya tidak, apa pula sebab-sebabnya dan apa pula tindakan Kerajaan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang Dipertua, adalah terlalu awal untuk menilai kejayaan atau progress ke atas beberapa buah "sogoshosha" yang telah ditubuhkan setakat ini. Ini kerana konsep perniagaan secara "sogoshosha" ini adalah suatu konsep yang baru kepada peniaga-peniaga tempatan. Oleh itu penubuhan "sogoshosha-sogoshosha" Malaysia adalah memerlukan masa yang agak panjang. Peniaga-peniaga tempatan memerlukan masa untuk memahirkan diri dan membuat penyusunan sebelum melibatkan diri secara aktif dan menyeluruh di dalam perniagaan secara "sogoshosha" itu, khususnya di peringkat penubuhannya. "Sogoshosha" Malaysia perlu mempunyai bentuk, ciri-ciri dan perniagaan berdasarkan keperluan dan matlamat pembangunan ekonomi dan perdagangan Malaysia sendiri.

Bagaimanapun, sejak cadangan penubuhan "sogoshosha" ini diutarakan oleh Y.A.B. Perdana

Menteri kira-kira dua tahun lalu, hari ini kita telah mempunyai lima buah "sogoshosha" yang menggabungkan antara syarikat-syarikat perdagangan swasta dengan badan-badan berkanun seperti FELDA, PETRONAS dan beberapa buah syarikat sokongan kerajaan seperti FIMA, PERNAS dan lain-lain yang diakui oleh Kerajaan untuk menjalankan operasi perdagangan secara "sogoshosha". Dua buah "sogoshosha" tersebut telah pun menjalankan aktiviti perdagangannya sementara "sogoshosha". Sementara 3 kumpulan syarikat-syarikat lagi sedang di dalam pelbagai peringkat mengenalpasti bidang-bidang, soal-soal operasi dan barangan untuk menjalankan dagangan secara "sogoshosha" dan akan melancarkan operasi perniagaan tidak berapa lama lagi.

Memandangkan konsep perniagaan "sogoshosha" ini adalah suatu perkara baru, maka punca kelewatan penubuhan dan pelancaran "sogoshosha" itu adalah banyak berkisar pada soal mengenalpasti bidang-bidang perniagaan, keluaran-keluaran dan juga mendapatkan apa-apa insentif atau galakan dari Kerajaan. Bagaimanapun Kerajaan memang menyedari bahawa kita perlu mengwujudkan "sogoshosha-sogoshosha" itu yang akan bertindak sebagai 'catalyst' dan untuk mempercepatkan usaha-usaha galakan perdagangan di peringkat antarabangsa. Kerajaan sedia memberi bantuan atau galakan-galakan yang sesuai dan di samping itu Kerajaan juga memasukkan unsur-unsur dagangan secara 'counter atau barter trade' di dalam operasi perniagaan "sogoshosha-sogoshosha" tersebut.

Dato' Ismail bin Hashim: Tuan Yang Dipertua, kalau sekali imbas kita dengar 'sogoshosha' ini macam kita kata 'sungguh susah' (*Ketawa*), 'suruh

'pun boleh diperkatakan, walaupun dia dikatakan 'sogoshosha'. Banyak perkara-perkara yang telah melibatkan dari segi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk menjalankan tugasnya. Perkara-perkara yang baru seperti ini biarlah dapat ketentuan supaya dapat kita punya industri-industri ataupun syarikat-syarikat yang sedang berusaha dapat lebih giat untuk memajukan syarikat itu supaya dapat diperkenalkan dengan bersungguh-sungguh.

Kita tidak mahu ini 'sogoshoshas' atau 'suruh susah' atau 'sungguh susah' ini tidak dapat dipastikan dengan menyeluruh. Jadi, saya hendak kepastian yang sebenarnya apakah yang dimaksudkan 'sogoshosha' sebagaimana yang telah diterangkan oleh Timbalan Menteri tadi supaya dapat dipastikan dengan sebenar-benarnya dapat kita mengikuti dalam masalah Kerajaan hendak menggalakkan dari segi perniagaan usaha sama untuk meningkatkan prestasi dari segi perindustrian kita khususnya orang-orang kita yang berminat dengannya.

Yang keduanya, apa yang telah diterangkan oleh Timbalan Menteri tadi dua buah, sejauh manakah Kementerian telah dapat memastikan daripada usaha-usaha yang telah dikatakan dengan perkataan 'sogoshosha' ini.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang Dipertua, konsep 'sogoshoshas' ini diterima daripada negeri Jepun yang mana kita sedia maklum bahawa semua perdagangan antarabangsa yang dijalankan oleh pihak swasta Jepun ialah melalui syarikat terbesar itu seperti Mitsui, Mitsubishi, Sumitomo dan sebagainya yang dipanggil 'sogoshosha' di Jepun. Jadi sungguhpun kita tidak ada satu perkataan yang boleh digunakan di sini

atau kita kata syarikat perdagangan am (general trading company) atau syarikat perdagangan antarabangsa am (general international trading company); ini ialah maksud 'sogoshoshas' ini. Jadi, sebagaimana kita boleh menggiatkan perdagangan antarabangsa negara kita ini ialah kita harap dengan penubuhan 'sogoshosha' ini kita boleh mengadakan perniagaan di kalangan antarabangsa yang mana kita boleh memasarkan bukan sahaja barang-barang utama seperti getah, kelapa sawit yang mana kita ada kemahiran tetapi juga barang-barang buatan (manufactured goods) dan juga barang-barang setengah diproses. Dan kita faham bahawa di negara kita ada sebilangan besar syarikat yang kecil dan sederhana baik di kalangan perdagangan, baik di kalangan perindustrian yang tidak mempunyai bargaining power atau kuasa kemahiran untuk memasarkan barang-barang itu di peringkat antarabangsa. Jadi, syarikat 'sogoshosha' ini bolehlah memainkan peranan untuk memasar barang-barang ini bagi pihak syarikat-syarikat kecil dan sederhana ini ialah salah satu maksudnya.

Yang ketiga, untuk menjalankan dasar yang baru diterima oleh Kerajaan untuk mengadakan barter trade atau counter trade, umpamanya, kita hendak beli barang-barang dari negara-negara sosialis seperti Rumania atau Yugoslavia yang selalu beli getah dari Malaysia tetapi tidak ada tukaran wang asing (foreign exchange) untuk membiayai pembelian getah ini dan negara itu tidak boleh langsung terus membeli getah dari negara kita melainkan kita boleh membeli barang daripada negara itu. Jadi peranan 'sogoshoshas' ini boleh mengambil barang yang mana jikalau kita tidak perlu di Malaysia kita boleh jual kepada negara yang ketiga. Ini dikatakan counter-trade. Jadi atas maksud ini kita terfikir kalau boleh ada gabungan di antara syarikat-syarikat

yang telah menjalankan perniagaan di kalangan antarabangsa seperti PETRONAS, FELDA ini ialah syarikat Kerajaan dengan syarikat swasta seperti Sime Darby, MICO, MMC dan sebagainya. Perdagangan boleh dijalankan secara besar-besaran. Dan kriteria yang kita guna untuk dianggap atau diiktiraf satu syarikat sogoshoshas ialah perniagaan ini dalam satu tahun mesti melambung sampai kadar \$1,000 juga baru dianggap sebagai 'sogoshoshas'. Jadi ini ialah konsepnya. Oleh yang demikian ini saya rasa agak memakan masa yang panjang untuk menubuh dan menjalankan cara operasi dan sebagainya.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 22 hingga 55 adalah diberi di bawah ini).

BAS SEKOLAH NAIKKAN TAMBANG

22. Tuan Ibrahim bin Salleh minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) jumlah kes yang telah ditangkap kerana menaikkan tambang bas sekolah;
- (b) bandar yang banyak adanya berlaku kes seperti ini; dan
- (c) tindakan yang telah diambil ke atas tuan punya bas sekolah itu.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya mendapati agak sukar untuk memberikan perangkaan mengenai kes bas-bas sekolah yang menaikkan tambang oleh kerana Ahli Yang Berhormat tidak memberikan satu

jangka masa tertentu. Walau bagaimanapun, bagi tahun 1982 terdapat sebanyak 24 kes menaikkan tambang bas sekolah yang telah dikesan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan.

Kawasan yang terbanyak berlakunya kes ini ialah di kawasan Wilayah Persekutuan, khasnya bandaraya Kuala Lumpur.

Tindakan-tindakan yang telah diambil ke atas pengusaha-pengusaha bas sekolah itu termasuk ada yang dikompaunkan atau diberi amaran keras.

BAS EKSPRES MARA

23. Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan perkara-perkara berikut mengenai perjalanan dan pengurusan Bas Ekspres MARA:

- (a) memandangkan selalu berlakunya kerosakan dan pelanggaran pada bas-bas itu dan sikap-sikap negatif pekerja-pekerjanya, sama ada perniagaan pengangkutan ini masih menguntungkan atau tidak dan jika tidak nyatakan tindakan yang telah diambil untuk memperbaiki keadaannya; dan
- (b) sama ada benar bahawa gaji pekerja Bas Ekspres MARA ini pada keseluruhannya sangat rendah jika dibandingkan dengan pekerja-pekerja bas syarikat swasta.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Sanusi bin Junid): Anggapan yang mengatakan bas-bas Ekspres MARA selalu rosak dan pekerja-pekerjanya bersikap negatif adalah tidak benar. Ini adalah kerana dari purata 48,900 trip sejauh

15,639,072 batu perjalanan yang dibuat dalam setahun terdapat hanya satu kemalangan bagi tiap-tiap 526 trip atau sejauh 48,900 batu.

Sungguhpun tidak ada statistik yang tepat mengenai kemalangan jalanraya yang dialami oleh pengangkutan-pengangkutan bas di seluruh negara, kemalangan-kemalangan yang dialami oleh Syarikat Bas Ekspres MARA adalah di bawah angka tersebut (below industrial average).

Mengenai bas-bas yang dikatakan selalu rosak, sukalah dimaklumkan bahawa bilangan Bas-bas Ekspres MARA adalah satu "fleet" yang besar (125 buah) dan jika ada berlaku kerosakan, maka ianya adalah sedikit sahaja jika dibandingkan dengan jumlah besar bas-bas yang ada. Dalam pada itu pun MARA mempunyai Jurutera-jurutera Automobile yang bertauliah dan berpengalaman. Mereka sentiasa membuat pemeriksaan ke atas bas-bas berkenaan mengikut jadual yang tepat bagi menentukan bukan sahaja bas-bas adalah selamat untuk digunakan bahkan juga kebersihan dalam tiap-tiap bas ekspres MARA. Adalah menjadi dasar MARA untuk menjalankan Syarikat Bas Ekspres bukanlah semata-mata untuk mendapat keuntungan.

Bagi menentukan kecekapan pemandu dan pekerja-pekerja sentiasa cekap, pihak Syarikat Bas Ekspres MARA mempunyai satu Lembaga Tatatertib dalam mana aduan-aduan dari orang ramai mengenai kemalangan, layanan-layanan buruk dan sebagainya diambil tindakan. Tiap-tiap aduan adalah diteliti dan diambil kira dan jika didapati pekerja-pekerja melakukan kesalahan tindakan tatatertib termasuklah menggantung kerja atau membuang kerja dijalankan. Juga bagi menentukan bahawa pemandu-pemandu ini

senantiasa cekap, pihak MARA senantiasa mengadakan kursus ulangkaji dan juga kursus membaiki kerosakan kecil dan sebagainya. Untuk mengelakkan mereka memandu dengan terlampau laju, setiap Bas Ekspres MARA telah dilengkapi dengan alat "buzzer" dan lampu isyarat supaya had laju tidak melebihi 70 kilometer sejam.

Dalam segi keuntungan pula Syarikat Bas Ekspres MARA telah memperolehi keuntungan sebelum sukcai bagi tahun 1981 sebanyak \$344,728 dan bagi tahun 1982 sebelum audit sebanyak \$938,350.

Dalam segi gaji pekerja-pekerja Bas Ekspres MARA pula adalah tidak benar untuk mengatakan gaji mereka pada keseluruhannya sangat rendah jika dibandingkan dengan pekerja-pekerja Bas Syarikat Swasta. Pekerja-pekerja Bas Ekspres MARA diberi elaun bantuan khas dan kadar elaun lebih masa serta elaun kerja malam yang jauh lebih tinggi daripada bas syarikat swasta. Pada keseluruhannya pendapatan pemandu-pemandu Bas Ekspres MARA adalah lebih baik daripada pekerja-pekerja syarikat swasta.

MAS—PENERBANGAN KOTA KINABALU—BANDAR SERI BENGAWAN—KUCHING

24. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau bercadang untuk mengadakan penerbangan ulang alik (shuttle flight) di antara Kota Kinabalu, Bandar Seri Bengawan dan Kuching bagi Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dan Penerbagan Diraja Brunei dengan tujuan memberikan perkhidmatan yang lebih baik dan memuaskan di antara ketiga-tiga negeri tersebut.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Pada masa ini tidak ada cadangan untuk mengadakan penerbangan ulang alik (shuttle flight) di antara Kota Kinabalu, Bandar Seri Bengawan dan Kuching. Perkhidmatan seumpama ini hanya ada ditimbangkan, sekiranya terdapat aliran permintaan trafik dan muatan yang mencukupi bagi sektor berkenaan.

Perkhidmatan MAS sekarang adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan penumpang. MAS mempunyai 3 penerbangan seminggu melalui laluan Kota Kinabalu—Brunei—Kuching dan balik; dan 'load factor' bagi penerbangan sektor ini adalah di antara 70-80%.

BANK ISLAM

25. Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada rakyat yang bukan beragama Islam boleh menyimpan atau membuka kira-kira di dalam Bank Islam yang akan ditubuhkan dan berapakah modal permulaan bank itu dan negara-negara Islam manakah yang turut memberi sumbangan kewangan dan tenaga mahir.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Sabbarudin Chik): Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah pun menjawab soalan ini ketika memberi jawapan kepada pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat Dato' Chin Kim Yoong pada 29hb Mac, 1983.

HARGA SAYUR-SAYURAN

26. Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan berkuasa mengawal harga jualan sayur-sayuran, ikan, buah-buahan dan lain-lain di pasar-pasar terutama sebelum menyambut

perayaan seperti Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina dan lain-lain supaya harga jualannya tidak naik melambung tinggi; jika ya, nyatakan bentuk tindakan yang diambil untuk mengawal harga barang-barang itu.

Dato' Lew Sip Hon: Kerajaan memang mempunyai kuasa untuk mengawal harga sesuatu barangan yang dipasarkan di Negara ini di bawah Akta Kawalan Harga 1946. Walau bagaimanapun, dari segi praktikalnya, Kerajaan tidak menguatkuasakan sepenuhnya peruntukan undang-undang ini oleh kerana Kerajaan berpendapat bahawa kawalan harga secara langsung adalah bertentangan dengan prinsip sistem perdagangan bebas yang diamalkan oleh Negara kita pada masa ini dan barang-barang makanan boleh didapati dengan senang dan dengan harga yang berpatutan. Saya mengakui bahawa terdapat aliran turun naik harga barangan di Negara ini dari masa ke semasa terutamanya menjelang musim-musim perayaan seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat. Dalam hubungan ini, suka saya menegaskan bahawa aliran turun naik harga pada kadar biasa ini memang senantiasa berlaku dan ianya adalah salah satu ciri-ciri sistem perdagangan dan perniagaan di mana-mana jua pun di dunia ini. Penawaran harga sesuatu barangan adalah dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti jumlah bekalan, trend permintaan, kos kendalian dan lain-lain lagi.

Walaupun pada dasarnya, para peniaga adalah dibenarkan untuk menetapkan harga sesuatu barangan itu, ini tidaklah bermakna bahawa mereka adalah bebas untuk menawarkan harga sesuka hati mereka tanpa pengawasan dan langkah-langkah tertentu oleh Kerajaan. Dalam hubungan ini, khususnya bagi menstabilkan harga barang-barang

keperluan di musim-musim perayaan, Kementerian saya pada setiap tahun akan mengistiharkan sebanyak 25 jenis barang sebagai barang kawalan musim perayaan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Tujuan menjadikan barang-barang ini sebagai barang kawalan ialah untuk membolehkan Kementerian saya mengawasi dan mengawal penyorokan, pengeluaran, pengimportan dan pengedaran barang-barang ini untuk memastikan bekalan yang mencukupi dan boleh diperolehi dengan mudah di pasaran. Tindakan ini dengan secara tidak langsung akan mengawal harga barangan yang berkenaan disebabkan oleh kerana keadaan bekalan barang-barang keperluan yang mencukupi akan menghasilkan satu tahap harga yang stabil dan munasabah.

Kerajaan berpendapat bahawa dengan adanya langkah-langkah dan pengawasan yang dijalankan ini, kenaikan harga barang-barang keperluan dapat dibendung dari terus naik ke satu paras yang tidak berpatutan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat selanjutnya, barang-barang seperti sayur-sayuran, ikan dan buah-buahan adalah tidak termasuk di dalam senarai barang-barang kawalan. Oleh itu, masalah harga barang-barang tersebut adalah bergantung penuh kepada keadaan-keadaan permintaan dan bekalan serta juga lain-lain kos kendalian dari semasa ke semasa.

KELAYAKAN UMUR MASUK KE SEKOLAH RENDAH

27. Tuan M. K. Muthusamy minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementeriannya bercadang untuk mengurangkan umur kelayakan masuk ke Sekolah Rendah dari 7 tahun kepada 6 tahun.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelayakan masuk ke Sekolah Rendah yang diamalkan sekarang, seperti yang terkandung dalam Akta Pelajaran 1961—Bab I—INTERPRETATION: ialah apabila seseorang kanak-kanak itu genap umur 6 tahun pada 1hb Januari tahun yang berkenaan. Ini bermakna umur kelayakan masuk ke Sekolah Rendah ialah 6 tahun ke atas (6+); dan bukan 7 tahun ke atas seperti yang difahamkan oleh Ahli Yang Berhormat. Dengan yang demikian persoalan yang dibangkitkan itu tidaklah timbul sama sekali.

PELABUHAN BEBAS

28. Tuan Paramjit Singh, minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan ada rancangan untuk menjadikan Johor Bahru sebagai Pelabuhan Bebas.

Tuan Sabbaruddin Chik: Kerajaan tidak bercadang hendak menjadikan Johor Bahru sebagai Pelabuhan Bebas. Walaupun begitu Kerajaan bercadang dan sedang mengambil langkah-langkah perlu bagi mewujudkan Kawasan Perdagangan Bebas (Free Trade Area) di Kawasan Pasir Gudang di negeri Johor. Tujuan "Free Trade Area" yang dicadang ini adalah berbeza dengan konsep pelabuhan bebas dan juga "Free Trade Zone". Di "Free Trade Area" yang dicadangkan ini adalah juga membolehkan kegiatan bukan pengilangan seperti perdagangan dan juga pergudangan. Ia adalah meliputi kawasan yang lebih luas daripada kawasan Pelabuhan Pasir Gudang dan dengan ini termasuk jugalah industri perkilangan dan lain-lain perusahaan yang telah sedia ada pada masa sekarang.

INDUSTRI KECIL DI LUAR BANDAR

29. Tuan Jaafar bin Harun minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada Kerajaan telah mewujudkan industri-industri kecil di luar bandar bagi membantu dan meninggikan ekonomi bumiputera dan jika ada apakah tindakan-tindakan yang telah diambil di mana tempat dan jenis industri yang telah dijalankan serta kemajuan yang diperolehi.

Dato' Sanusi bin Junid: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menyedari bahawa memang telah sedia ada industri-industri kampung yang wujud di kawasan-kawasan luar bandar. Kebanyakan industri-industri itu adalah dijalankan atas inisiatif penduduk-penduduk luar bandar itu sendiri. Walau bagaimanapun, kebanyakan industri-industri itu adalah dijalankan secara kecil-kecilan dengan menggunakan jentera-jentera yang mudah dan kemahiran yang agak terbatas. Begitulah juga dengan soal pemasarannya di mana kebanyakan dari barang-barang yang dikeluarkan itu hanyalah bagi kegunaan masyarakat setempat.

Pada masa ini Kerajaan tidaklah dapat membuat kepastian tentang berapa banyak industri-industri kampung yang telah ditubuhkan di kawasan-kawasan luar bandar. Walau bagaimanapun, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah mengambil inisiatif dengan menjalankan pembancian ke atas pengusaha-pengusaha industri kampung di seluruh negara. Kajian tersebut sedang berjalan pada masa ini dan maklumat-maklumat yang lengkap akan diperolehi pada akhir bulan Mei, 1983 ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang

mengambil tindakan-tindakan yang tertentu bagi menggalakkan penubuhan industri-industri kampung di kawasan-kawasan luar bandar. Tindakan-tindakan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Menjalankan kajian-kajian untuk mengenalpasti sumber-sumber semula jadi tempatan dan tenaga mahir yang berpotensi;
- (ii) Memberikan latihan kemahiran;
- (iii) Memberikan bantuan-bantuan modal kepada industri-industri luar bandar yang ditubuhkan secara koperasi;
- (iv) Menubuhkan agensi-agensi pemasaran bagi memastikan barang-barang keluaran industri-industri kampung itu dapat dibeli sepenuhnya dengan syarat barang-barang yang dikeluarkan itu mempunyai spesifikasi dan mutu yang tinggi serta sesuai dengan kehendak-kehendaki pasaran.

Pada peringkat awal ini, Kerajaan sedang merancang untuk menubuhkan projek-projek perintis di 5 buah kampung. Kampung-kampung yang dipilih itu adalah berdasarkan kepada bahan-bahan mentah dan kemahiran yang sedia ada serta kesanggupan penduduk-penduduk tempatan untuk menjalankan projek-projek tersebut. Kesemua projek-projek ini akan diberi perhatian sepenuhnya dari pihak kerajaan bagi memastikan kejayaannya. Projek-projek seperti ini akan diperluaskan ke beberapa buah kampung pada masa-masa akan datang sekiranya projek-projek perintis ini mendapat kejayaan.

INDUSTRI KECIL DI SARAWAK

30. Tuan Haji Latip bin Haji Dris minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan dasar dan asas industri-industri bagi perusahaan kecil di daerah luar bandar khususnya di negeri Sarawak.

Dato' Sanusi bin Junid: Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan pertubuhan industri-industri kampung di kawasan-kawasan luar bandar. Dasar ini adalah sesuai dengan matlamat kerajaan untuk mengujudkan satu taraf hidup yang tinggi di kawasan-kawasan luar bandar. Untuk mencapai matlamat ini Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah untuk mengujudkan lebih banyak industri-industri kampung yang diletakkan di kawasan-kawasan luar bandar yang berasaskan kepada punca-punca semula jadi tempatan dan industri-industri yang akan ditubuhkan ini akan disesuaikan dengan orientasi perdagangan. Melalui kegiatan-kegiatan industri kampung ini ia bukan sahaja akan dapat meningkatkan daya pengeluaran masyarakat di kawasan luar bandar malah ia boleh meningkatkan kefahaman masyarakat kampung mengenai perniagaan. Penubuhan industri-industri di luar bandar juga bukan sahaja dapat memberi peluang-peluang pekerjaan malah ianya juga dapat mengurangkan penghijrahan penduduk-penduduk luar bandar ke bandar-bandar. Industri-industri yang akan ditubuhkan di kawasan-kawasan luar bandar adalah berasaskan kepada perkara-perkara berikut:

- (i) Industri-industri yang ditubuhkan di kawasan-kawasan luar bandar adalah berasaskan kepada penggunaan-penggunaan sumber bahan semulajadi tempatan.

- (ii) Industri-industri yang ditubuhkan itu seberapa mungkin akan menggunakan teknologi yang mudah yang melibatkan pelaburan yang sederhana. Walau bagaimanapun, jika pengeluaran barang-barang industri itu mendapat pasaran yang luas maka teknologi yang sophistikated yang melibatkan pelaburan yang besar bolehlah digunakan bagi memenuhi keperluan pasaran.
- (iii) Industri-industri yang akan ditubuhkan itu adalah di kawasan-kawasan yang telah sedia mempunyai kemahiran. Namun begitu di kawasan yang mempunyai sumber bahan semulajadi tetapi penduduknya tidak mempunyai kemahiran, kerajaan akan memberikan latihan-latihan.
- (iv) Asas yang paling penting adalah kesediaan rakyat setempat sendiri untuk menceburkan diri dalam industri-industri yang berkenaan. Peranan Kerajaan hanyalah dalam memberikan galakan dan lain-lain kemudahan seperti modal, latihan dan penyediaan saluran pasaran.

PENGGUNAAN BAHASA ASING DI PAPAN TANDA

31. Tuan Basharon bin Hanafiah minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kerajaan menggalakkan penggunaan bahasa asing lebih meluas daripada Bahasa Malaysia di papan-papan tanda rumah perniagaan sepertimana yang terdapat di Kuala Lumpur, Ipoh dan Pulau Pinang; jika tidak nyatakan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan mengenai perkara ini.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato Dr Neo Yee Pan): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat papan-papan tanda rumah perniagaan di bandar atau luar bandar di atur dan dilesenkan oleh Penguasa-penguasa Tempatan melalui undang-undang kecil yang digubal di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976. Undang-undang kecil ini memerlukan kegunaan Bahasa Malaysia dan membenarkan kegunaan bahasa-bahasa yang lain.

Berasaskan kepada taraf Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan undang-undang kecil tersebut memerlukan memberi keulungan, atau "prominence", kepada Bahasa Malaysia dalam iklan-iklan di atas papan-papan tanda yang digunakan oleh pihak peniaga. Semua pihak peniaga yang terlibat hendaklah mematuhi semua syarat yang dimuatkan dalam undang-undang kecil yang digunakan oleh Penguasa-penguasa Tempatan.

Prinsip-prinsip ini juga dipatuhi di Kuala Lumpur, Ipoh dan Pulau Pinang. Sekiranya sesuatu pihak peniaga tidak mematuhi syarat-syarat yang dikenakan tindakan akan diambil menerusi undang-undang kecil yang telah digubal untuk melarang dan menghapuskan pameran iklan-iklan dalam papan-papan tanda oleh pihak Penguasa Tempatan.

MAS—PENERBANGAN FOKKER SABAH/SARAWAK

32. Tuan Wong Kie Nai minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kapal terbang jenis Fokker yang digunakan bagi penerbangan dalam negeri terutamanya di Sabah dan Sarawak adalah jenis kapal terbang terlalu lama yang mengakibatkan kelambatan dan pembatalan penerbangan-penerbangan dan jika ya, nyatakan

sama ada beliau ada rancangan untuk menggantikan kapal terbang yang lama ini dengan jenis yang baru untuk mengelakkan daripada kemungkinan berlakunya sebarang mala petaka penerbangan.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Kementerian sedar bahawa ada beberapa pesawat jenis Fokker Friendship F27 yang digunakan bagi penerbangan di dalam negeri adalah jenis-jenis pesawat yang agak lama. MAS kini mempunyai 11 pesawat jenis Fokker dan umur pesawat-pesawat ini adalah di antara 2-11 tahun. Sungguhpun demikian pesawat-pesawat ini sentiasa diselenggarakan dan dijaga dengan rapi supaya selamat untuk penerbangan.

Kebanyakan dari pembatalan dan kelewatan yang berlaku disebabkan oleh faktor-faktor lain yang tidak dapat dielakkan seperti cuaca buruk. MAS sentiasa mengawal keadaan seperti ini supaya dapat mengelakkan berlakunya pembatalan penerbangan.

Selaras dengan objektifnya untuk meningkatkan perkhidmatannya MAS telah pun menggunakan pesawat B737 di sektor-sektor yang terdapat keadaan yang sesuai. Di samping itu MAS mengkaji dari masa ke semasa jenis-jenis pesawat baru yang boleh digunakan untuk penerbangan dalam negeri seperti BAE 146, ATR 42 dan Donier bagi menentukan kesesuaian serta keperluan perkhidmatan udara jangka panjang. Keputusan muktamad belum diadakan.

PERSIDANGAN KEMUNCAK NEGARA-NEGARA BERKECUALI DI NEW DELHI

33. Tuan Tan Chang Soong minta Menteri Luar Negeri menyatakan kemajuan usaha ASEAN tentang perkara penempatan kerajaan

Penyatuan Kampuchea dalam Persidangan Kemuncak Negara-negara Berkecuali.

Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Negara-negara ASEAN yang juga menjadi ahli Pertubuhan Negara-negara Berkecuali (iaitu Indonesia, Singapura dan Malaysia) semasa Persidangan Kemuncak pertubuhan itu di New Delhi telah berusaha untuk mendapatkan penyertaan Kerajaan Camporan Demokratik Kampuchea di dalam Sidang Kemuncak itu. Ini adalah berasas kepada pendirian kita bahawa Kerajaan Demokratik Kampuchea merupakan kerajaan yang diiktiraf oleh sebahagian besar masyarakat antarabangsa terbukti di Perhimpunan Agong Bangsa-bangsa Bersatu yang ke 37 dalam bulan September lalu, dan juga kerusi Kampuchea di Pertubuhan Negara-negara Berkecuali adalah hak mutlak Kerajaan Demokratik Kampuchea. Tindakan yang dibuat oleh Cuba semasa Persidangan Kemuncak Havana, memutuskan bahawa kerusi Kampuchea itu telah kosong, ialah satu perbuatan perampasan (atau hijacking) dan tidak mengikut erti kata "consensus" yang sebenar. Tetapi malangnya India sebagai pengerusi, berpegang teguh kepada pendirian bahawa ianya hanya mewarisi keputusan Havana dan tidak dapat mengubah keadaan itu melainkan dimandatkan oleh Sidang Kemuncak itu sendiri.

Sungguhpun demikian adalah jelas di Sidang Kemuncak di New Delhi, pendirian Malaysia terhadap kedudukan Kerajaan Demokratik Kampuchea telah mendapat sambutan yang baik, dan lebih kurang 30 perwakilan termasuk negara-negara yang berpengaruh seperti Yugoslavia telah menyuarakan sokongan supaya perwakilan Kerajaan Demokratik Kampuchea diberikan kembali kerusi

mereka. Hasil dari usaha Malaysia sendiri Sidang Kemuncak telah bersetuju supaya kajian dibuat terhadap asas dan peraturan (criteria and procedure) bagi pengantongan dan penyingkiran keahlian sesebuah negara anggota pertubuhan itu dan ini telah membuktikan bahawa perbuatan Cuba di Havana itu adalah tidak betul, dan oleh yang demikian akan dikaji semula oleh Pertubuhan Negara-negara Berkecuali.

ANAK SYARIKAT/AGENSI KERAJAAN—PEMBUBARAN

34. Tuan K. Kumaran minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan jumlah anak-anak syarikat dan agensi-agensi Kerajaan yang telah dibubarkan semenjak awal tahun 1982, jumlah hutang agensi-agensi ini dan langkah-langkah yang akan diambil untuk menentukan perkara seperti ini tidak akan berlaku lagi pada masa hadapan.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Sukacita saya maklumkan bahawa tidak ada anak-anak syarikat dan agensi-agensi Kerajaan yang terletak di bawah Kementerian ini yang telah dibubarkan semenjak awal tahun 1982. Walau bagaimanapun Kementerian saya sentiasa mengambil langkah-langkah mengawasi prestasi syarikat-syarikat ini terutamanya syarikat-syarikat yang mengalami kesulitan melalui sistem maklumat pengurusan yang telah ditubuhkan di Kementerian.

PEMBACA BERITA TV MALAYSIA

35. Dato G. Pasamanickam minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Pembaca Berita TV Malaysia iaitu Encik V. Arumugam dan Encik Harjit Singh Hullon yang telah membaca berita

Perdana TV Malaysia dulu kini sudah pun ditugaskan membaca hanya berita-berita lewat malam di bawah peraturan baru, jika ya, nyatakan sebab-sebabnya.

Puan Rahmah binti Othman: RTM sentiasa mencari jalan bagi meningkatkan lagi mutu penyampaian beritanya dan juga untuk memenuhi hasrat penonton- penonton. Di dalam usaha untuk mencapai matlamat ini, perubahan terpaksa dibuat dari masa ke semasa dan tentulah Pembaca Berita seperti Encik V. Arumugam dan Encik Harjit Singh Hullon yang telah membaca Berita Perdana lebih kurang 4 atau 5 tahun yang lampau perlu diganti dengan muka lain untuk memenuhi selera penonotn- penonton.

Sebagaimana Yang Berhormat maklum cara penyampaian Berita menerusi TV telah diubah baru-baru ini dengan menggunakan 2 orang Pembaca Berita, seorang lelaki dan seorang perempuan. RTM terpaksa melatih mereka yang belum mahir dalam cara penyampaian berita seperti ini supaya mereka dapat menambahkan pengalaman sebelum mereka dibawa untuk membaca Berita Perdana. Adalah besar kemungkinan salah seorang dari mereka itu akan dilatih untuk membaca berita bersamaan dengan seorang yang lain pada satu hari kelak.

JUMLAH PENGELUARAN/ EKSPORT/IMPORT MINYAK MALAYSIA

36. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) Jumlah pengeluaran minyak Malaysia pada tahun 1982 dan jumlah yang diekspor dan banyak hasil yang diperolehi oleh Kerajaan Persekutuan;

- (b) Jumlah nilai minyak yang diimport oleh Malaysia pada tahun 1982; dan
- (c) Nilai kerugian Malaysia akibat daripada kejatuhan harga minyak baru-baru ini.

Tuan Sabbaruddin Chik: Untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh YB itu, suka saya memaklumkan bahawa:

- (a) Jumlah pengeluaran minyak Malaysia bagi tahun 1982 ialah 110,654,130 tong. Daripada keluaran ini, jumlah yang dieksport ialah 89,550,195 tong. Hasil Kerajaan Persekutuan yang diperolehi daripada petroleum pada tahun 1982 ialah \$3,905 juta;
- (b) Bagi soalan (b) pula, jumlah nilai minyak yang diimport pada tahun 1982 ialah \$4,386 juta;
- (c) Berkaitan dengan kerugian hasil akibat kejatuhan harga pula, pada kiraan kasar, kerugian ini adalah dianggarkan sebanyak M\$100 juta setahun bagi setiap kejatuhan harga minyak sebanyak US\$1 setong.

TARIF KAIN YANG DIIMPORT

37. Tuan D. P. Vijandran minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengurangkan kurangan perdagangan (deficit) kita dengan negara China; dan
- (b) sama ada beliau ingin memperbaiki tarif-tarif ke atas kain-kain yang diimport untuk mengelakkan kain-kain bermutu rendah masuk ke

negara Malaysia supaya kita dapat melindungi perniagaan kain tempatan.

Dato' Lew Sip Hon:

- (a) Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk mengurangkan kurangan dagangan itu termasuklah menghantar rombongan perdagangan rasmi ke China dan menggalakkan rombongan dari China untuk membeli secara terus barang-barang dari Malaysia. Sejak China mengamalkan Dasar Buka Pintunya, kita telah menghantar tiga rombongan perdagangan rasmi ke negara tersebut iaitu pada tahun 1979, 1980 dan 1982. Rombongan perdagangan rasmi yang terbaru yang telah melawat China iaitu pada bulan Mei 1982. Rombongan perdagangan ini telah berjaya mendapatkan pesanan untuk papan lapis bernilai \$750,000 dan berjaya merapatkan pertalian perdagangan secara terus dengan 7 buah perbadanan import/eksport China. Selepas rombongan ini kembali ke tanah air, pihak China telah membuat lawatan balas dengan menghantar satu rombongan perdagangan dan Malaysia telah berjaya menjual bahan-bahan utama bernilai \$6 juta iaitu terdiri dari minyak kelapa sawit, papan lapis dan kayu kayan.

Kementerian saya akan terus menjalankan usaha-usaha ini dan pada tahun ini akan menghantar satu lagi rombongan perdagangan rasmi pada bulan Oktober akan datang. Rombongan ini dijangka akan melawat Canton, Shanghai dan Peking untuk mendapatkan pasaran bagi hasil-hasil

perkayuan dan papan lapis, minyak kelapa sawit, barangan hasil getah seperti tayar, alat-alat elektronik dan sebagainya.

Selain dari itu Malaysia juga mengambil bahagian dalam pameran-pameran Perdagangan Mini (Mini Fairs) yang diadakan oleh Kerajaan China di beberapa buah bandar seperti Hongzhou, Shanghai, Liaoning dan sebagainya. Penyertaan kita di Pameran seumpama ini adalah bertujuan untuk mencari peluang-peluang pasaran yang lebih luas ke atas keluaran kilang Malaysia. Adalah didapati bahawa Pameran Perdagangan Mini ini semakin terkenal di China dan kita akan terus menyertai pameran-pameran tersebut pada masa-masa akan datang.

Beberapa buah badan atau agensi Kerajaan juga ada menganjurkan rombongan ke China untuk meningkatkan eksport umpamanya Lembaga Pendaftaran dan Perlesenan Minyak Kelapa Sawit (PORLA), Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) dan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB). Pada bulan Mei 1983 ini Lembaga Pendaftaran dan Perlesenan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORLA) akan menghantar satu rombongan perdagangan ke China untuk tujuan memperkenalkan minyak kelapa sawit secara menyeluruh kepada pihak China di samping mendapatkan pesanan pembelian secara terus dari pengimport-pengimport China.

Selain dari rombongan perdagangan rasmi, Malaysia ke Pameran Canton Musim Bunga

dan Musim Luruh (Spring and Autumn Fairs) yang dikendalikan oleh pihak PERNAS Trading adalah juga digalakkan untuk mencari pasaran eksport barang-barang keluaran Malaysia dan bukan hanya tertumpu kepada pembelian sahaja.

Pada awal bulan Mei tahun ini, Kerajaan akan menubuhkan Pejabat Perdagangan Malaysia di China. Penubuhan Pejabat Perdagangan ini akan dapat meningkatkan hubungan perdagangan secara langsung antara Malaysia dan Republik Rakyat China. Dengan adanya Wakil Perdagangan Malaysia di China aktiviti galakan eksport akan dapat dilaksanakan secara lebih berkesan khususnya ke atas barang-barang perkilangan dan separa perkilangan.

- (b) Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menyemak semula struktur tarif ke atas tekstail-tekstail yang diimport. Namun demikian Kerajaan sedar tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh industri tekstail tempatan dan langkah-langkah telah pun diambil untuk membantu industri tersebut. Langkah-langkah berkenaan meliputi penghapusan cukai import dan cukai tokok ke atas bahan-bahan mentah serta alat-alat ganti mesin tekstail yang diperlukan oleh industri ini. Kerajaan juga telah memberikan kemudahan diskaun kos letrik kepada industri tekstail mengikut 'sliding scale' dengan syarat syarikat-syarikat tersebut memasarkan 40% daripada keluarannya di pasaran tempatan.

**PELABUHAN KUANTAN—
PEMULIHAN**

38. Tuan Loo Swee Mok minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) kemajuan projek Pelabuhan Kuantan terutamanya dalam usaha pemulihannya; dan
- (b) sama ada kajian telah dijalankan mengenai penggunaan dan pembangunan yang akan datang bagi Pelabuhan ini.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:

- (a) Sehingga 1hb Mac, 1983 kemajuan pemulihan Pelabuhan Kuantan adalah 72.2%. Adalah dijangka bahawa projek pemulihan Pelabuhan Kuantan akan siap pada akhir tahun 1983 dan dermaga pertama dapat digunakan pada bulan Julai 1983.
- (b) Pengurusan Pelabuhan Kuantan telah pun menjalankan kajian berkaitan dengan penggunaan dan pembangunan Pelabuhan Kuantan bagi masa hadapan. Ini merupakan kajian yang diusahakan bersama dengan Universiti Malaya berkaitan dengan penyediaan "tonnage projection" dan keperluan tenaga manusia. Lembaga Pelabuhan Kuantan juga telah melantik sebuah syarikat perunding untuk menyediakan pelan induk susunan bentuk Pelabuhan Kuantan (Master Layout Pelan). Kajian yang diusahakan oleh Universiti Malaya akan siap dalam masa sebulan daripada sekarang dan kajian oleh Juruperunding dijangka siap lebih kurang 2 bulan daripada sekarang. Dengan bantuan dua kajian tersebut di atas Pengurusan Pelabuhan Kuantan dapat menentukan kegunaan dan

pembangunan masa hadapan Pelabuhan Kuantan dengan secara pesat dan teratur.

**PEKERJA FILIPINA/
MALAYSIA—PERGADUHAN DI
PUSAT PENAPIS MINYAK
DI KERTEH**

39. Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada berpuluh-puluh ribu rakyat yang sedang menganggur dan menunggu kerja dan jika sedar nyatakan mengapa Kerajaan masih membenarkan rakyat negara asing masuk ke negara ini untuk mencari kerja dan sama ada beliau sedar bahawa pada 18-2-83 di kawasan Pusat Penapis Minyak di Kerteh, Terengganu telah berlaku pergaduhan antara kira-kira 800 orang pekerja Malaysia dengan 200 pekerja dari Philipina yang melibatkan 3 buah motokar hangus terbakar; dan juga sama ada beliau sedar bahawa tugas yang dijalankan oleh pekerja-pekerja Filipina itu boleh dikerjakan oleh pekerja-pekerja Malaysia sendiri dan nyatakan mengapa pekerja-pekerja dari Filipina perlu dibawa masuk ke negara ini.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Mak Hon Kam): Kerajaan memang sedar bahawa terdapat pengangguran di negara kita sekarang ini. Mengikut Laporan Ekonomi tahun 1982/83 kadar pengangguran adalah sebanyak 6.3% iaitu seramai 369,117 orang dari jumlah tenaga buruh seramai 5,859,000. Daripada jumlah pengangguran ini di dapati tidak semua yang mendaftarkan di Pejabat-pejabat di bawah Kementerian saya untuk mendapat pekerjaan. Dari itu adalah dianggap bahawa sama ada mereka telah pun memperolehi pekerjaan ataupun dalam proses mendapatkan pekerjaan dengan cara sendiri.

Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, pada masa yang sama, negara kita sedang juga mengalami kekurangan tenaga pekerja di berapa sektor khususnya sektor perladangan dan pembinaan. Faktor-faktor yang menyebabkan kekurangan tenaga pekerja itu antara lainnya ialah oleh kerana penghijrahan tenaga kerja dari luar bandar ke bandar, sikap memilih kerja di kalangan belia-belia kita ataupun ketiadaan kemahiran dalam lapangan pekerjaan tertentu. Kerajaan memang sedar atas perkara-perkara ini dan akan terus menjalankan rancangan-rancangan melalui beberapa Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan untuk mengurangkan kadar pengangguran serta mengatasi masalah kekurangan tenaga pekerja mahir.

Tuan Yang Dipertua, oleh kerana keadaan kekurangan tenaga pekerja yang sedang dialami sekarang, memang terdapat pekerja-pekerja asing masuk bekerja di negara kita. Pekerja-pekerja asing yang dibenarkan masuk itu adalah terdiri daripada pekerja-pekerja yang mahir di dalam sesuatu bidang yang khusus ataupun mereka itu diperlukan untuk menampung kekurangan tenaga kerja yang sangat genting di dalam beberapa sektor yang tertentu.

Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya memang sedar bahawa satu pergaduhan telah berlaku di antara pekerja-pekerja Filipina dan pekerja-pekerja tempatan pada 18-2-83 di Pusat Penapis Minyak di Kerteh, Terengganu. Kejadian tersebut telah pun diselesaikan dengan bantuan pihak polis. Tuan Yang Dipertua, pekerja-pekerja Filipina yang terlibat itu adalah pekerja-pekerja mahir yang dibawa khusus oleh pemborong projek yang berkenaan itu sebelum pekerja-pekerja tempatan dapat diambil bekerja. Majikan syarikat yang

berkenaan itu telah pun berjanji dan bersetuju akan memberi latihan kepada pekerja-pekerja tempatan dalam bidang kerja yang sedang dijalankan oleh pekerja-pekerja Filipina itu. Latihan ini adalah dengan cara latihan di tempat kerja atau "on the job training". Dengan cara sedemikian kemasukkan pekerja-pekerja asing dapat dikurangkan secara berperingkat.

LAWATAN TIMBALAN PERDANA MENTERI KE SINGAPURA

40. Tuan Loh Kee Peng minta Perdana Menteri menyatakan apakah hasil lawatan yang telah diperolehi di dalam bidang pertahanan dan ekonomi negara selepas lawatan rombongan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri ke Republik Singapura pada 9hb Februari, 1983 baru-baru ini.

Timbalan Perdana Menteri (Dato Musa Hitam): Lawatan saya ke Singapura pada 9-11 Februari 1983 ialah atas undangan Kerajaan Singapura. Lawatan ini memberi peluang kepada saya untuk mengenali dengan lebih rapat serta mengeratkan lagi hubungan dengan rakan sejawat dan para Menteri kanan Singapura yang lain. Di samping itu, saya juga mengadakan perbincangan dengan pemimpin-pemimpin Singapura dalam usaha memperkukuhkan lagi hubungan dua-hala di antara kedua-dua negara.

Dalam perbincangan saya dengan pemimpin-pemimpin Singapura, saya telah menekankan keutamaan kita terhadap hubungan dengan Singapura. Dalam konteks ini, prinsip kepentingan bersama perlulah dijadikan garis panduan dan ianya perlu diteruskan dan dipertingkatkan untuk sepanjang masa.

Saya juga telah berbincang dengan pihak Singapura mengenai penempatan semula (relocation) beberapa jenis industri dari Singapura ke Malaysia. Dalam hal ini, kedua-dua buah negara perlulah menentukan industri-industri yang berkenaan di samping mengenalpasti apa-apa projek bersama untuk dipertimbang dan diusahakan.

Saya juga ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kerjasama dalam bidang pelancungan akan ditingkatkan lagi menerusi Majlis Pelancungan Malaysia-Singapura (MSTC) sebagai badan penyelaras kepada usaha-usaha Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia (TDC) dan Lembaga Kemajuan Pelancungan Singapura.

Di dalam perbincangan mengenai bekalan air pula, saya telah memberi jaminan kepada Kerajaan Singapura bahawa kita akan menepati perjanjian air yang sedia ada. Kita juga telah bersetuju untuk merancang satu badan usaha bersama bagi membincangkan bekalan air di Johor bagi kegunaan bersama.

Malaysia dan Singapura juga bersetuju mempertingkatkan kerjasama dalam usaha membentasi masalah dadah dan mempertingkatkan kerjasama dalam bidang keselamatan pada amnya, terutama sekali dalam usaha membentasi kegiatan Parti Komunis Malaya.

Mengenai kerjasama serantau pula, Malaysia dan Singapura berpuashati dengan kerjasama yang wujud, khususnya kerjasama di kalangan negara-negara anggota ASEAN. Malaysia dan Singapura bersependapat mengenai soal Kampuchea dan giat berusaha mencari penyelesaian politik untuk menegakkan keamanan dan kestabilan di rantau Asia Tenggara.

Akhirnya, suka saya menarik perhatian bahawa dalam lawatan

tersebut perkara pertahanan antara kedua-dua negara tidaklah dibincangkan. Oleh itu soalan mengenai hasil lawatan dalam bidang pertahanan tidaklah timbul.

DASAR PANDANG KE TIMUR—PENGHANTARAN PELAJAR-PELAJAR

41. Dato' Yap Peng minta Menteri Pelajaran menyatakan selaras dengan dasar pandang ke Timur sama ada pihak Kementerian akan menempatkan semua pelajar-pelajar penerimaan biasiswa/derasiswa Kerajaan di seberang laut hanya di Jepun dan Korea sahaja pada masa-masa yang akan datang; jika tidak, mengapa.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan terus menghantar pelajar-pelajarnya ke negara-negara lain di seberang laut di samping ke Jepun dan Korea Selatan.

“Dasar Pandang ke Timur” bukanlah bermakna penamatan penghantaran pelajar-pelajar ke negara-negara lain tetapi Kerajaan berusaha meluaskan pendedahan pelajar-pelajarnya terhadap ilmu pengetahuan ke negara-negara Jepun dan Korea Selatan terutamanya untuk mengubah sikap bekerja dan belajar kuat serta mendapatkan cara-cara meningkat mutu dan daya pengeluarannya. Kerajaan akan meneruskan penghantaran pelajar-pelajarnya ke negara-negara lain untuk mengikut bidang pengajian yang bersesuaian dengan keperluan negara.

DIPLOMAT MALAYSIA— PERATURAN BERKAHWIN

42. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan

mengadakan satu dasar atau peraturan kepada Diplomat-diplomat Malaysia kiranya mereka ini belum mempunyai isteri supaya jangan berkahwin dengan orang-orang asing yang bukan rakyat Malaysia.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Peraturan ini memang telah sedia ada sejak tahun 1957. Para Diplomat Malaysia yang ingin berkahwin dengan orang-orang bukan warganegara Malaysia terpaksa mendapat kebenaran dari Menteri Luar Negeri terlebih dahulu.

PERATUSAN KECICIRAN MURID SRJK CINA/TAMIL

43. Puan Sri Datin Athi Nahappan minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan perangkaan yang tepat mengenai peratusan keciciran murid dari Sekolah Kebangsaan, Jenis Kebangsaan (Cina) dan Jenis Kebangsaan (Tamil) dan keadaan perbandingan peratusan bagi tempoh sehingga Laporan Murad diumumkan sehingga sekarang.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Laporan Murad telah diumumkan pada 27hb Februari 1973. Perangkaan mengenai peratusan keciciran dari sekolah rendah ke sekolah menengah adalah seperti berikut:

Peratusan Keciciran dari Darjah 6 Ke
Tingkatan Peralihan/Tingkatan Satu

Tahun	Aliran Bahasa Malaysia	Aliran Bahasa Cina	Aliran Bahasa Tamil
1973	—	—	—
1974	20.9	33.8	26.8
1975	17.2	33.2	24.7
1976	12.3	24.2	21.4
1977	11.0	22.3	16.8
1978	10.5	21.7	19.5
1979	11.6	22.3	20.7
1980	14.0	20.6	18.4
1981	11.8	18.5	16.4
1982	10.7	17.2	15.2

Dapatlah dilihat bahawa peratusan keciciran bagi tempoh masa tersebut bagi ketiga-tiga aliran itu telah menurun dengan pesatnya. Suka juga saya menambah bahawa peratusan keciciran hakiki adalah jauh lebih kecil daripada apa yang tertera dalam jadual kerana sebahagian besar daripada murid-murid yang dianggap "tercicir" itu sebenarnya melanjutkan pelajaran mereka di sekolah-sekolah menengah persendirian dan Maktab Rendah Sains MARA.

DOKTOR PAKAR DI HOSPITAL DAERAH, KUALA LANGAT

44. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom minta Menteri Kesihatan menyatakan bila masanya doktor Pakar Bedah, Pakar Sakit Puan dan Pakar Bius akan dihantar ke Hospital Daerah Kuala Langat memandangkan hospital ini terletak di sebuah daerah yang didiami oleh lebih kurang 130,000 orang penduduk.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Saya suka memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa pada masa ini terdapat seorang Pakar Perubatan Umum di Hospital Daerah, Banting, dalam daerah Kuala Langat. Oleh kerana terdapat kekurangan pakar-pakar, adalah tidak mungkin bagi Kementerian untuk menempatkan Pakar-pakar yang lain di Hospital Daerah, Banting pada masa ini.

Walau bagaimanapun, ingin saya menyatakan bahawa Hospital Besar, Kelang, tidaklah berapa jauh jaraknya dari Hospital Daerah, Banting. Dengan demikian kes-kes yang memerlukan rawatan kepakaran adalah dirujuk ke Hospital Besar, Kelang.

BAU BUSUK TERNAKAN BABI

45. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa bau busuk dari kawasan ternakan babi menjadi masalah di kampung-kampung dan jika sedar nyatakan sama ada Kementeriannya dapat mencipta satu bahan kimia yang boleh digunakan untuk menghilangkan bau busuk itu atau Kementeriannya ada rancangan mengawal supaya satu kawasan khas yang jauh dari kediaman orangramai disediakan untuk ternakan babi; dan
- (b) sama ada beliau sedar bahawa ada di setengah tempat najis babi disalurkan ke parit JPT yang tidak dibersihkan oleh kerana buruh JPT yang beragama Islam enggan menjalankan kerja ini; jika sedar nyatakan tindakan yang diambil oleh Kerajaan.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze:

(a) Sedar. Kementerian saya tidak ada satu bahan kimia yang dicipta bagi mengatasi masalah bau busuk ternakan babi, kerana tiada satu bahan kimia yang dapat mengawal bau busuk secara memuaskan.

Kementerian saya tiada rancangan khas bagi mengadakan suatu kawasan khas yang jauh dari kedaiaman orangramai yang disediakan untuk ternakan babi. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, hal-hal berkaitan dengan pemberian tanah adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri masing-masing yang mempunyai Enakmen-Enakmen bagi kawalan dan pelesenan ternakan babi. Namun demikian, jika dipinta oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang

berkenaan, Kementerian saya bersedia memberi nasihat tentang kesesuaian kawasan-kawasan khas dari segi kawalan pencemaran alam sekitar bagi penempatan perusahaan ternakan babi.

(b) Tidak sedar. Jika Ahli Yang Berhormat dapat menentukan kawasan-kawasan yang terlibat, Kementerian saya bersedia untuk mengambil tindakan sewajar bersama dengan pihak-pihak yang berkenaan bagi mengatasi masalah tersebut.

DASAR PANDANG KE TIMUR—PELAKSANAAN

46. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Perdana Menteri menerangkan semenjak pelaksanaan Dasar Pandang Ke Timur serta menarik balik tumpuan dan dasar pandang ke Barat seperti masa-masa yang lampau, apakah perubahan dan kejayaan yang dapat diperolehi daripada segi perhubungan serta faedah atau kemudahan-kemudahan dengan negara-negara Barat terutama United Kingdom.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukacita saya menerangkan di sini bahawa soal menarik balik tumpuan dan pandangan ke Barat sebenarnya tidaklah timbul dengan wujudnya pelaksanaan dasar pandang ke Timur Kerajaan kita. Dasar pandang ke Timur bukanlah bermakna yang kita tidak lagi memerlukan bantuan dari pihak Barat untuk pembangunan ekonomi negara kita yang sedang membangun ini. Pelaksanaan dasar pandang ke Timur adalah semata-mata untuk memperseimbangkan antara pengaruh barat yang telah bertahun-tahun berakar di sini dengan pengaruh Timur yang dinamis itu, dalam usaha-usaha

pembangunan ekonomi Malaysia yang sedang dijalankan oleh Kerajaan dengan pesatnya.

Hubungan dan kerjasama Malaysia dengan negara-negara Barat memang sedia terjalin dan berjalan dengan baiknya. Malaysia menikmati faedah dari hubungan dan kerjasama yang baik ini secara penanaman modal, bantuan-bantuan teknik dan ekonomi, bantuan kepakaran dan latihan, tawaran-tawaran biasiswa pelajaran tinggi dan kemudahan-kemudahan kredit yang masih kita terima dari negara-negara seperti Republik Persekutuan Jerman, Perancis, Itali, Belgium, Negeri Belanda dan Britain. Hubungan dan kerjasama dua hala ini akan terus dieratkan bagi faedah bersama selaras dengan dasar kita untuk menjaga hubungan baik dengan semua negara di dunia yang ingin berbaik dengan negara kita termasuk negara Britain.

TEKNOLOGI BARU BINAAN/ PENGURUSAN PROJEK

47. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Perdana Menteri menjelaskan bahawa beliau berpuas hati dengan 'transfer of technology' atau pemindahan teknologi daripada kontraktor-kontraktor asing terutama daripada negeri-negeri Jepun dan Korea Selatan ke Warganegara Malaysia yang mana ini merupakan suatu proses yang penting untuk mengindustrialisekan Negara kita, oleh kerana ada terdengar sungutan-sungutan yang proses ini amat lembab sekali dijalankan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kerajaan berpuashati dengan teknologi-teknologi baru binaan dan pengurusan projek yang dibekalkan oleh kontraktor-kontraktor asing terutamanya dari Jepun dan Korea Selatan yang mengendalikan kontrak-kontrak binaan di negara ini.

Dalam usaha untuk menjamin pemindahan teknologi binaan dan pengurusan di semua peringkat, Kerajaan telah menetapkan syarat-syarat kepada kontraktor-kontraktor asing supaya mendapatkan penyertaan kontraktor-kontraktor dan perunding-perunding tempatan serta kakitangan teknikal dari jabatan dan agensi Kerajaan dalam kerja-kerja kontrak. Melalui cara ini, pemindahan teknologi asing dapat dilakukan secara bersistematik.

Sebagai contohnya, dalam pelaksanaan Projek Dayabumi, Teknologi binaan yang menggunakan struktur keluli siap pasang yang digunakan oleh kontraktor tersebut telah mendedahkan sektor pembinaan tempatan kepada satu teknologi baru yang boleh mempercepatkan kerja-kerja pembinaan. Di samping itu juga, sistem pengurusan dan penyelarasan dalam penggunaan tenaga kerja di semua peringkat di tapak projek yang dipraktikkan oleh kontraktor ini telah menghasilkan pencapaian kerja yang sangat menggalakkan. Pelaksanaan projek ini adalah 42 hari ke hadapan Jadual.

Dalam bidang industri minyak dan gas pula seperti pembinaan logi-logi gas cecair asli untuk MLNG, pekerja-pekerja PETRONAS dan MLNG Sdn. Bhd. yang terlibat dengan projek ini telah dapat mempelajari teknologi-teknologi bermutu tinggi dalam pengeluaran, pemerosesan dan pengurusan hasil-hasil gas, minyak dan 'by products'.

Untuk mempertingkatkan lagi pencapaian pemindahan teknologi-teknologi berkaitan, Kerajaan sedang menrencanakan usaha-usaha yang lebih konkrit di mana kontraktor-kontraktor asing yang mengendalikan projek-projek besar, dengan kerjasama pihak Kerajaan, disyaratkan menganjurkan program-program laithan semasa kerja (on the

job training) dan sebelum kerja (pre construction training) kepada pekerja-pekerja tempatan.

PESAKIT MENINGGAL DUNIA DI DALAM AMBULAN

48. Tuan Ibrahim bin Salleh minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada pihaknya sedar bahawa ada di antara pesakit-pesakit yang dihantar ke Hospital Besar, Kuala Lumpur telah meninggal dunia di dalam perjalanan; jika sedar nyatakan tindakan kerajaan untuk mengatasi supaya perkara seperti ini tidak akan berlaku lagi.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat benarkan saya menganggap bahawa pertanyaan Yang Berhormat itu adalah berkenaan dengan pesakit-pesakit yang dibawa oleh ambulanan-ambulanan kerajaan ke Hospital Besar, Kuala Lumpur.

Sebagaimana dimaklumi Hospital Besar, Kuala Lumpur bukan sahaja merupakan hospital rujukan bagi pesakit-pesakit dari Wilayah Persekutuan bahkan ia juga adalah sebuah hospital rujukan negara. Pesakit-pesakit dari seluruh pelusok tanahair yang memerlukan rawatan serta penjagaan rapi adalah dirujuk ke Hospital Besar, Kuala Lumpur.

Pada hakikatnya pesakit-pesakit yang dibawa oleh ambulanan dalam keadaan tenat. Walau bagaimanapun ambulanan Kerajaan adalah dilengkapi dengan alat-alat penyelamat nyawa yang mencukupi. Tambahan pula, pesakit-pesakit selalunya disertai dengan kakitangan separa perubatan yang dilatih dalam rawatan kecemasan. Walaupun begitu, memang ada kemungkinan pesakit-pesakit meninggal dunia semasa dalam perjalanan ke Hospital. Ini adalah takdir Tuhan!.

MAS—MAKANAN DALAM PENERBANGAN

49. Tuan Haji Arrifin bin Haji Salleh minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengapa pihak Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) tidak lagi menyediakan makanan kepada para penumpang penerbangan di dalam negeri dan adakah tindakan ini berikutan dengan kerugian yang dialami oleh MAS.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Memberi makanan di dalam sesuatu penerbangan merupakan satu perkhidmatan yang biasa diadakan oleh syarikat-syarikat penerbangan, dan MAS juga mempunyai perkhidmatan ini. Sungguhpun demikian perkhidmatan ini hanya diadakan bagi sesuatu penerbangan yang mengambil masa lebih dari satu jam. Umpamanya di dalam penerbangan dari Kuala Lumpur—Kota Kinabalu dan Kuching (atau balik) sarapan pagi, makanan tengah hari atau hidangan ringan disediakan.

Bagi penerbangan jarak dekat pula, iaitu di mana masa penerbangan kurang dari satu jam, hanya minuman ringan sahaja diadakan. Ini adalah kerana masa penerbangan adalah terlalu singkat dan tidak sesuai untuk perkhidmatan itu. Di samping itu, oleh kerana kos operasinya yang meningkat, langkah seperti ini akan dapat sedikit sebanyak mengurangkan perbelanjaan operasi MAS.

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL/CHINA

50. Tuan M. K. Muthusamy minta Menteri Pelajaran menyatakan pendirian Kementeriannya dalam hal pembinaan bangunan baru bagi SRJK (T) dan SRJK (C) di ladang-ladang dan sama ada Kementeriannya sedia memberikan bantuan dari apa-apa segi

sekalipun terhadap perkara ini seperti tapak tanah bangunan peralatan bangunan dan lain-lain lagi.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Kementerian Pelajaran memang memberi perhatian berat terhadap pembangunan semua jenis sekolah rendah tanpa membezakan lokasinya. Umpamanya dalam Rancangan Malaysia Keempat peruntukan bagi projek-projek gantian merupakan sebahagian besar daripada belanjawan pembangunan bagi sekolah rendah. Di samping itu bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dalam kategori sekolah Bantuan Penuh Bukan Milik Kerajaan bantuan juga diberikan bagi perbelanjaan menyelenggara dan memperbaiki kemudahan-kemudahan sekolah yang sudah buruk dan bahaya.

ANGKATAN TENTERA— KEPERLUAN OPERASI

51. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kementerian Pertahanan ada cadangan untuk melengkapkan tentera kita dengan peralatan dan kelengkapan pertahanan yang dibuat dari Negara Timur.

Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datuk Bandar Abang Haji Mustapha): Sebagai sebuah negara yang mengamal konsep berkecuali, kerajaan sentiasa menimbang dan mengkaji peralatan dan kelengkapan pertahanan dari mana-mana pembekal dan memilih peralatan dan kelengkapan yang memenuhi keperluan Operasi Angkatan Tentera. Sebelum satu-satu pembelian dibuat, beberapa faktor perlu diambil kira, seperti

keperluannya, kesesuaian, harga, jaminan bekalan dan polisi negara pembekal. Walaupun kebanyakan peralatan dan kelengkapan Angkatan Tentera di masa-masa lalu dibeli dari negara-negara Barat, jika faktor-faktor yang telah disebutkan tadi diperolehi, persoalan dari negara mana alat-alat kelengkapan itu diperolehi tidak timbul sama sekali.

Apabila keperluan ada untuk sesuatu alat dari negara-negara Timur yang berkemampuan mengeluarkan alat-alat tersebut kita akan menjemput negara tersebut untuk pemilihan tender dan penilaian, dan sekiranya spesifikasi alat-alat ini mematuhi syarat-syarat keperluan dan difikirkan bersesuaian, maka alat-alat tersebut akan dibeli dari negara berkenaan.

GURU BIMBINGAN KERJAYA

53. Tuan M. K. Muthusamy minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah sekolah yang menerima khidmat guru-guru bimbingan kerjaya dan sama ada Menteriannya ada cadangan untuk menempatkan sekurang-kurangnya seorang guru bimbingan kerjaya yang berkelayakan dan berpengalaman di setiap sekolah menengah.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Untuk pengetahuan Yang Berhormat, semua sekolah menengah di Malaysia sejumlah 1,093 buah menerima khidmat guru-guru bimbingan kerjaya.

Kementerian Pelajaran memang telah mempunyai rancangan dan cadangan untuk menempatkan sekurang-kurangnya seorang guru bimbingan kerjaya yang berkelayakan dan berpengalaman di setiap sekolah menengah. Jika sekolah menengah besar, mungkin ditempatkan 2 atau 3 orang guru bimbingan kerjaya.

akan diambil sama ada ianya menyentuh soal penggunaan Bahasa Malaysia oleh pihak swasta ataupun tingkah laku pegawai-pegawai Persekutuan yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak.

Dan izinkan saya, Tuan Yang Dipertua, untuk mengakhiri ucapan ini dengan menyatakan suatu kenyataan yang kononnya dikatakan oleh Sir Winston Churchill, bekas Perdana Menteri Inggeris, yang mana beliau dilaporkan menyatakan lebih kurang seperti ini, katanya, "kalau adalah seorang Inggeris yang tidak boleh bertutur dalam bahasa Inggeris, orang itu harus dan sepatutnya disebut dan dirotan." Sekian, terima kasih dan saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

Fasal 1 hingga 3—

3.40 ptg.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Dalam masa kita membahaskan dalam Jawatankuasa ini, saya terpaksa menjawab sedikit sebanyak apa yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam. Saya tidak akan

mengambil peluang dalam peringkat Jawatankuasa ini untuk perbahasan yang lanjut.

Tuan Pengerusi, apabila saya memperkatakan salam ucapan dasar saya, bahawa tercatat kelemahan dalam Rang Undang-undang ini sama ada ia disadari atau tidak atau dilarang dengan tidak berhati-hati yang berlawanan dengan kehendak kebangsaan polisi negara ini, perjuangan menegakkan Bahasa Kebangsaan, Tuan Pengerusi, sebagaimana yang telah diterangkan oleh sahabat-sahabat saya Ahli-ahli Yang Berhormat bermula sejak lama dahulu, bermula sejak kita belum merdeka, dan dihulurkan oleh banyak persatuan dan tidak kurang dihulurkan oleh Persatuan Guru-guru Melayu Semenanjung (PGMS). Saya tidak hendak membangkitkan perkara lama, Tuan Pengerusi, tetapi sejarah membuktikan perjuangan ini. Mengapa kita masa menetapkan supaya semua bahasa dalam negeri ini menggunakan Bahasa Malaysia ada pertikaian tarikh pelaksanaannya sedangkan Perlembagaan kita telah menyebutkan, Tuan Pengerusi, Fasal 81.

"81. Kewajipan Negeri-negeri kepada Persekutuan. Kuasa pemerintah tiap-tiap Negeri hendaklah dijalankan dengan sesuatu cara supaya:

(a) xx xx xx xx

(b) tidak menghalang atau menyentuh perjalanan kuasa pemerintah Persekutuan".

Sudah ada bukti kekuatan Kerajaan Persekutuan sekarang boleh meletakkan tempoh tarikh bila Bahasa Kebangsaan mesti dimulakan atau dijalankan dalam negeri Sabah dan Sarawak.

Tuan Pengerusi, saya bersyukur kepada Tuhan bahawa negeri Sabah telah pun lebih dahulu menerima

pelaksanaan Bahasa Kebangsaan dalam tahun 70an. Jadi tidaklah nampak satu kesulitan bagi Sabah menerima Rang Undang-undang ini. Akan tetapi dalam Sarawak sehingga hari ini pun kita tahu bahawa sudah 20 tahun merdeka masih ada peribumi kita masih ada lagi rakyat negara kita dari negeri tersebut tidak boleh bertutur dengan fasih Bahasa Kebangsaan—bahasa negara, dan memohon supaya diadakan pungutan suara rakyat negeri Sabah. Ini satu gejala yang telah nampak bahawa unsur-unsur yang menyebabkan perkara itu akan berlaku. Saya bersetuju dengan ucapan Yang Berhormat tadi mengambil sepetah kata daripada mendiang Sir Winston Churchill; bukan sahaja disebut, tetapi patut digantung. Kerana negara kita mempunyai tiga perkara—bendera yang satu; kebudayaan yang satu, adat resam yang satu, termasuklah bahasa. Kalau tidak ada tiga perkara ini tidak ada sebuah negara sedangkan kita di Malaysia ini sudah pun kita memupuk satu bangsa yang bersatu padu terdiri daripada kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain peribumi di negeri Sabah dan Sarawak.

Tuan Pengerusi, saya tidak lupa dalam urusan saya bahawasanya terjemahan perlu dibuat. Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan sudah ada 13 orang sekarang ini, saya sudah tahu dahulu daripada dia, bilangannya belas, hanya takut memalukan Kerajaan saya sebutkan tetapi saya tidak sebut, angkanya tetapi tidak lebih dari belasan. Yang saya maksudkan bukan jawapan itu, mengapa akan dibesarkan, seberapa boleh maka baharulah matlamat daripada ucapan saya, memperkatakan bahawa ada 13 penterjemah dan 4 pembantu di Jabatan Peguam Negara; itu perkara yang lumrah diketahui. Yang saya maksudkan supaya Jabatan Perdana Menteri mesti menubuhkan satu

Jawatankuasa Terjemahan bagi semua undang-undang di negara kita. Sebagai bukti boleh saya nyatakan di sini; Rang Undang-undang suatu Akta untuk meminda Ordinan Lalulintas Jalan 1958, Tuan Pengerusi. Naskah Sahid Bahasa Malaysia. Tetapi bila dilagang ia masih ada bahasa Inggeris. Rang Undang-undang ini tidak layak dizahirkan di Dewan ini kerana selepas tahun 1967 semua rang undang-undang yang dibentangkan ke Dewan ini mestilah keshidannya itu mestilah Bahasa Malaysia. Tetapi Jabatan Peguam Negara tidak berupaya, Tuan Pengerusi. Penterjemah kita tidak ada berkeupayaan.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, teks Bahasa Malaysia adalah didapati tidak berapa lama lagi iaitu:

“The Bahasa Malaysia text will be available shortly”.

“An Act to amend the Audit Act 1957”.

Masih bahasa Inggeris itu tahun 1957 punya Act sedangkan pada tahun 1967 kita sudah mengisi Bahasa Kebangsaan. Ini betul, masih terus 1983—masih dizahirkan dalam Dewan ini lagi pada tahun 1983, ertinya undang-undang ini masih belum diterjemahkan. Jadi, ahli-ahli yang ada di Jabatan Peguam Negara yang menterjemahkan ini tidak ada kemampuan, tidak cukup tenaga.

Kerajaan mestilah menubuhkan satu badan yang lebih bertenaga supaya ia sesuai dengan perkataan ‘cekap, bersih dan amanah’. Ini ingatan daripada Ahli, Kerajaan mesti menerima kalau itu satu konsep yang patut diikuti. Dia tidak boleh beralih mengatakan kita mempunyai simpati kepada Sabah dan Sarawak sebab ia lambat 10 tahun. Oh! begitu jawabnya? Ini bukan perkara simpati, Tuan Pengerusi, perkara

kenyataan. Perjuangan Bahasa Kebangsaan tidak menimbulkan darah sahaja tetapi boleh meruntuhkan Kerajaan. Kerajaan PAS boleh naik di Terengganu dan Kelantan, perselisihan guru-guru Melayu dengan parti UMNO pada waktu itu dan selepas pilihanraya dua buah negeri gugur, Tuan Pengerusi. Rakyat Kelantan dan Terengganu cukup simbolik, cukup nasionalisma terus jatuh. Adakah kita mahu Kerajaan berlaku begini? Apa jadi kalau sekiranya rakyat Sabah dan Sarawak tidak menerima, kita belum tahu, tetapi kita yakin mereka akan menerima. Tetapi apa yang menjadi pokok ialah kelemahan dalam Rang Undang-undang.

Jadi saya pendekkan ucapan saya, Tuan Pengerusi, saya mohon Kerajaan mesti memberikan satu jaminan atau kalau boleh saya bersetuju diletakkan tidak lewat daripada 6 bulan umpamanya tempoh yang ditentukan, sebab dalam Perlembagaan itu sudah tercatat, iaitu Perkara 81 Kewajipan Negeri-negeri kepada Persekutuan, ia tidak boleh menghalang. Kalau tak boleh menghalang, kita letak tanda sahaja, ini yang saya kata terdapat kelemahan.

Saya dhaif, Tuan Pengerusi, dalam segala undang-undang. Kalau saya tidak dhaif dalam undang-undang, saya tidak duduk di sini, saya fikir ada tempat lain tetapi saya mengikuti 20 tahun tiap-tiap Perlembagaan itu dipinda—ini terjemahan tahun 1970, Perlembagaan kita sudah berapa kali dipinda. Saya tanya sekarang Jabatan Peguam Negara, adakah satu naskah yang baru bagi Perlembagaan Persekutuan ini setelah dipinda beberapa kali dalam bahasa Kebangsaan? Saya tidak fikir ada. Minta maaf, Tuan Pengerusi, tetapi saya memahamkan tidak ada.

Bagaimana rakyat kita di Malaysia, sama ada di Semenanjung, Sabah, Sarawak boleh memahami hakikat Perlembagaan negara kita? 25 tahun, Tuan Pengerusi. Tahun 1970 sekali dicetak, hatta Parlimen ini sendiri pun tidak menzahirkan buku ini kepada ahli-ahlinya. Kalau sekiranya Kerajaan tak boleh buat, mengapa Parlimen tak boleh buat? Sama ada dia baca atau tak baca, itu soal lain. Benda yang kecil-kecil jangan kita fikir gajah, kita harimau, tetapi dalam satu masa harimau, singa jatuh dalam perangkap, tikus yang membuka, kita jangan angkuh.

Tuan Pengerusi, walaupun saya tidak mempunyai kuasa tetapi saya mohon difikirkan oleh Kerajaan supaya jawatan Peguam Negara itu ditimbang kepada orang politik, Ahli Parlimen.

3.53 *ptg.*

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas pandangan dan juga nasihat Yang Berhormat Tan Sri berhubung dengan perkara ini.

Cuma saya hendak menyatakan sepertimana saya telah menyatakan semalam bahawa Laporan Cobbold telah menyatakan bahawa sebelum undang-undang memanjangkan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 dipanjangkan di Sabah dan Sarawak, maka Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak hendaklah dibawa berunding terlebih dahulu dan perakuan itu telah dibawa menjadi satu perakuan di dalam Jawatankuasa Antara Kerajaan yang mana laporannya dikenali sebagai Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan tahun 1962 dan perakuan-perakuan itu telah dicerminkan dalam Perlembagaan sebagai Perkara 161

sepertimana, dengan izin, saya membacakan Perkara 161:

“Pengurusan Bahasa Inggeris dan Bahasa Bumiputera dalam Negeri Sabah dan Sarawak:

- (1) Tiada sesuatu Akta Parlimen yang menamatkan atau menyekat penggunaan bahasa Inggeris bagi apa-apa maksud yang tersebut dalam Fasal (2) hingga (5) Perkara 152 boleh berkuatkuasa tentang penggunaan bahasa Inggeris dalam apa-apa hal yang tersebut dalam Fasal (2). Perkara ini sehingga 10 tahun selepas Hari Malaysia.
- (2) Fasal (1) adalah dipakai—
 - (a) mengenai penggunaan bahasa Inggeris dalam mana-mana Majlis Parlimen oleh seseorang ahli bagi atau dari sesuatu Negeri Sabah atau Sarawak,
 - (b) mengenai penggunaan bahasa Inggeris bagi pembicaraan dalam Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak atau dalam sesuatu Mahkamah Rendah di sesuatu Negeri Sabah atau Sarawak atau bagi apa-apa perbicaraan dalam Mahkamah Persekutuan, sebagaimana tersebut dalam Fasal (4), dan
 - (c) mengenai penggunaan bahasa Inggeris di sesuatu Negeri Sabah atau Sarawak dalam Dewan Negerinya atau bagi maksud-maksud rasmi yang lain (termasuk maksud-maksud rasmi Kerajaan Persekutuan)
- (3) Dengan tidak menyentuh Fasal (1)—yang saya telah bacakan tadi—tiada sesuatu Akta Parlimen sebagaimana yang tersebut di dalamnya itu

boleh berjalan kuatkuasanya tentang penggunaan bahasa Inggeris bagi pembicaraan dalam Mahkamah Tinggi di Sabah atau Sarawak atau bagi apa-apa pembicaraan dalam Mahkamah Persekutuan, sebagaimana yang tersebut dalam Fasal (4), sehingga Akta itu atau peruntukannya yang berkaitan itu telah diluluskan oleh undang-undang Badan-bahan Perundangan Negeri-negeri Sabah atau Sarawak dan tiada sesuatu Akta itu boleh berjalan kuatkuasanya tentang penggunaan bahasa Inggeris di sesuatu Negeri Sabah dan Sarawak dalam mana-mana hal lain yang tersebut dalam perenggan (b) atau (c) Fasal (2),—yang telah saya bacakan tadi—sehingga Akta itu atau peruntukannya yang berkaitan itu telah diluluskan oleh sesuatu undang-undang Badan Perundangan Negeri itu.

- (4) Pembicaraan dalam Mahkamah Persekutuan yang disebutkan dalam Fasal (2) dan (3) ialah apa-apa pembicaraan atas rayuan dari Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak atau seseorang Hakim Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak itu dan apa-apa juga pembicaraan di bawah Fasal (2), Perkara 128 untuk memutuskan sesuatu soal yang telah berbangkit dalam pembicaraan di Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak atau sesuatu Mahkamah Rendah Negeri Sabah dan Sarawak.
- (5) Walau apapun yang terkandung dalam Perkara 152, dalam sesuatu Negeri Sabah dan Sarawak, bahasa bumiputera yang ada pada

masa itu digunakan dalam Negeri itu boleh digunakan dalam Mahkamah-mahkamah bumiputera atau bagi apa-apa kanun undang-undang dan adat istiadat bumiputera dan mengenai Sarawak, sehingga selainnya diperuntukkan oleh undang-undang Badan Perundangannya, bahasa bumiputera itu boleh digunakan oleh seseorang ahli apabila berucap dalam Dewan Negeri itu atau mana-mana Jawatankuasanya;"

dan seterusnya saya tak payahlah baca.

Pendek kata, Rang Undang-undang yang dikemukakan di hadapan Dewan yang mulia ini adalah atas kehendak Perkara 161 dan kerana itulah ianya disyaratkan bahawa Badan Perundangan Negeri Sabah dan Sarawak hendaklah meluluskan Rang Undang-undang Enakmennya sebelum Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 dapat dipanjangkan.

Sungguhpun Laporan Cobbold dan Jawatankuasa Antara Kerajaan menyatakan Kerajaan Negeri hendaklah dibawa runding tetapi Perlembagaan kita telah menyatakan perlu diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sabah dan Sarawak. Bagi saya itu adalah lebih besar lagi daripada referendum. Kita mengamalkan sistem demokrasi dan kehendak rakyat adalah disalurkan melalui wakil-wakil mereka di dalam Dewan-dewan Undangan Negeri ataupun dalam Parlimen. Jadi kalau kita berkehendakkan atau hendak menentukan apakah kehendak rakyat, maka tempat yang paling molek dan paling tepat ialah di Dewan Negeri. Maka kerana itu saya fikir dalam soal ini referendum tidak perlu kerana kehendak rakyat sudah pun dipenuhi dengan disyaratkan Rang Undang-undang ini sebelum ia dapat berkuatkuasa di Negeri Sabah dan

Sarawak ia memerlukan terlebih dahulu kelulusan suatu Enakmen di dalam Dewan Undangan Negeri Sabah dan Sarawak.

Tuan Pengerusi, sama ada Rang Undang-undang ini lemah ataupun sebaliknya itu adalah terserah dan terletak kepada persepsi seseorang itu, tetapi dengan penuh ikhlas dan dengan penuh hormat saya menyatakan bahawa Rang Undang-undang ini bukan merupakan suatu Rang Undang-undang yang lemah, malah merupakan suatu Rang Undang-undang yang memenuhi janji dan suatu Rang Undang-undang yang pragmatis, selaras dan sejajar dengan kehendak aspirasi nasional kita.

Dalam hal ini suka saya menyatakan dari segi undang-undang yang dibentangkan dalam Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara ianya adalah ditentukan oleh Seksyen 6 Akta Bahasa Kebangsaan, 1963/67, dengan izin, menyatakan.

Seksyen 6. Bahawa teks—

- “(a) bagi segera Rang Undang-undang yang akan dikemukakan atau pindaan-pindaan kepadanya yang akan dicadangkan dalam Parlimen atau mana-mana Dewan Negeri;
- (b) bagi segala Akta Parlimen dan segala perundangan kecil yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan;
- (c) bagi segala Enakmen dan perundangan kecil yang dikeluarkan oleh mana-mana Kerajaan Negeri; dan
- (d) bagi segala Ordinan yang diisytiharkan oleh Yang Dipertuan Agong hendaklah dalam Bahasa Kebangsaan dan dalam bahasa Inggeris

dan teks dalam Bahasa Kebangsaan itu adalah sah selain jika Yang Dipertuan Agong menetapkan sebaliknya sama ada secara am atau bagi mana-mana undang-undang atau jenis undang-undang yang tertentu.”

Maka kerana itulah kita di Dewan ini dibekalkan dengan Rang Undang-undang, satu naskahnya di dalam Bahasa Malaysia dan satu lagi di dalam suatu naskah di dalam bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, Jabatan Perdana Menteri yang mana saya telah menyatakan mempunyai suatu seksi untuk menterjemahkan undang-undang ini telah pun menjalankan tugasnya dengan baik. Soalnya bukan berapa banyak bilangan pegawai di dalam sesuatu Jabatan itu. Pada saya sungguhpun itu penting tetapi yang lebih penting ialah apakah kualiti, nilai yang dihasilkan oleh sesuatu Jabatan dan sesuatu seksi itu.

Tuan Pengerusi, bagi menterjemahkan sesuatu undang-undang bukan sesiapa boleh menterjemahkan kerana seseorang yang hendak menterjemah sesuatu undang-undang itu dia perlu mempunyai tiga syarat. Ia mesti fasih di dalam Bahasa Malaysia; yang kedua, dia mesti faham undang-undang; dan yang ketiga, dia mesti faham dari segi teknik dan kepakaran menderaf atau menggubal undang-undang.

Amatlah susah hendak mencari seseorang yang mempunyai tiga sifat-sifat yang terkemuka ini. Untuk hendak mencari seorang yang fasih dalam Bahasa Malaysia tidak susah, hendak mencari seorang yang pandai dalam undang-undang tidak susah, hendak mencari seorang yang pakar dalam penggubalan tidak susah tetapi hendak mencari satu orang yang mana

tiga-tiga sifat ini ada kepadanya adalah merupakan suatu perkara yang bukan senang. Walau bagaimanapun, kita telah dapat pakar-pakar ini dan mereka telah menjalankan tugas mereka dengan cemerlang dan saya telah menyatakan semalam bahawa mereka telah berjaya mengeluarkan berpuluh-puluh Akta yang telah diterjemahkan dan terjemahan ini perlu dibuat dengan penuh berhati-hati oleh kerana apabila Yang Dipertuan Agong telah mensahihkan terjemahan itu sebagai undang-undang sah, maka itu menjadi undang-undang. Bermakna mereka yang menterjemah undang-undang ini boleh dianggap sebagai seorang yang berkuasa untuk membuat undang-undang. Kalau keadaan biasa kita mesti membawa undang-undang itu di Parlimen, setelah Parlimen meluluskan sebuah Rang Undang-undang barulah Rang Undang-undang itu menjadi Akta. Tetapi sekiranya sesuatu undang-undang itu dijadikan sah selepas Rang Undang-undang itu diterjemahkan daripada bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia, Rang Undang-undang ataupun undang-undang yang sah itu tidak perlu pergi ke Parlimen sebelum ia diluluskan, terus ia menjadi undang-undang. Kerana itulah penterjemahan ini mesti dibuat dengan paling halus kerana mereka yang membuat penterjemahan itu sebenarnya membuat undang-undang, mereka sebenarnya dengan huruf kecil ‘Parlimen Malaysia,’ kerana apa yang mereka buat adalah membuat undang-undang.

Tuan Pengerusi, sebenarnya Perlembagaan Persekutuan sudah pun diterjemahkan, sudah siap terjemahannya tetapi terjemahan ini hendaklah diteliti dahulu, hendaklah dikaji dengan mendalam supaya terjemahan itu benar-benar tepat kepada kehendak undang-undang oleh kerana kalau tidak berhati-hati terjemahan undang-undang itu akan menjadi undang-undang yang sah

dan kalau tersilap terjemahannya maka itulah undang-undang yang paling tinggi di dalam negara kita. Maka itulah sebabnya sungguhpun Perlembagaan Persekutuan ini sudah diterjemahkan, maka terpaksa dikaji dengan mendalam oleh Jabatan Peguam Negara sebelum tindakan-tindakan lain dapat diambil.

Tuan Pengerusi, oleh sebab-sebab yang telah saya nyatakan tadi, saya menegaskan sekali lagi bahawa Rang Undang-undang ini bukanlah merupakan suatu kelemahan tetapi itu persepsi saya terserahlah pula kepada persepsi Yang Berhormat yang lain yang boleh mempertikaikan bahawa ini lemah, ini kurang kuat dan sebagainya dan saya tidak menyatakan Yang Berhormat Tan Sri salah, saya pun tidak boleh menyatakan saya betul, tetapi saya berdiri di sini menyatakan bahawa Rang Undang-undang ini tidak menunjukkan suatu kelemahan tetapi menunjukkan suatu aspirasi nasional yang sebenarnya tanpa membelakangkan janji dan amanah yang telah kita laksanakan, yang telah kita meterikan dengan Kerajaan Sabah dan Sarawak semasa kita menubuhkan Malaysia tempoh hari.

Walau bagaimanapun, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat Tan Sri yang berkenaan kerana pandangan-pandangan beliau itu amat berguna, amat bernas dan amat berguna kepada saya dan Kerajaan. Sekian, terima kasih.

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH KEHAKIMAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.08 ptg.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan bahawa Suatu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang Dipertua, mengikut Seksyen 50 Akta Mahkamah Kehakiman 1964, kedua-dua pihak dalam sesuatu kes jenayah boleh merayu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi dalam pelaksanaan bidang kuasa asalnya kepada Mahkamah Persekutuan. Orang yang disabitkan hanya boleh merayu mengenai sabitan, hukuman atau kedua-duanya sekali dan pihak Pendakwaraya boleh merayu mengenai pembebasan dan hukuman sahaja.

Perkataan "keputusan" ditakrifkan sebagai keputusan terakhir Mahkamah dan oleh itu apa-apa keputusan lain yang dibuat oleh Mahkamah sebelum keputusan terakhir tidak boleh dirayu oleh sesiapa.

Dengan membuat peruntukan baru iaitu seksyen-kecil (3A), salah satu pihak dalam mana-mana prosiding boleh memohon kepada Mahkamah Persekutuan untuk mendapat kebenaran merayu terhadap apa-apa perintah Mahkamah Tinggi selain daripada keputusan yang melibatkan perkara undang-undang mengenai kepentingan awam yang akan atau telah menjejaskan perjalanan perbicaraan di Mahkamah Tinggi dalam menjalankan bidangkuasa jenayah asalnya. Permohonan itu

hendaklah dibuat dengan cara mengemukakan usul dalam tempoh tujuh hari selepas perinth itu dibuat dan, sekiranya kebenaran diberi oleh Mahkamah Persekutuan, rayuan hendaklah terus dibicarakan atas usul bagi kebenaran itu. Pindaan ini juga membolehkan seseorang yang didapati bersalah, tanpa sabitan direkodkan, merayu terhadap keputusan yang mendapati dia bersalah itu. Pada masa ini hanya seseorang yang disabitkan kesalahan boleh merayu terhadap sabitan atau hukuman atau keduanya.

Mengenai pindaan kepada Seksyen 8 pula peruntukan yang ada sekarang tidak menentukan keutamaan Hakim-hakim Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi dalam keadaan di mana perlantikan di buat pada tarikh yang sama. Pindaan ini menentukan bahawa dalam hal sedemikian keutamaan mereka ditentukan oleh Yang Dipertuan Agong memandangkan penghapusan Mahkamah Sesyen Khas, Seksyen 37 juga dipinda bagi memansuhkan rujukan kepada sekysen berkenaan di bawah Akta Mahkamah Rendah, 1948.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.13 ptg.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang Dipertua, saya mohon izin membahaskan sedikit dan

memberi pandangan berkenaan dengan Undang-undang yang ada di hadapan kita sekarang.

Saya baru terbaca dalam akhbar pada pagi ini apa yang berlaku di dalam Perjumpaan Kadi-kadi dan ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita di dalam perjumpaan itu yang diadakan di dalam Kompleks Tabung Haji di Petaling Jaya. Di dalam ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyebutkan hal-hal Mahkamah Syariah, hasrat Kerajaan hendak meninggikan taraf Mahkamah Syariah setaraf dengan Mahkamah Sivil.

Tuan Yang Dipertua, apakala saya membaca di dalam Rang Undang-undang ini, teringatlah saya kepada apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkenaan Mahkamah Syariah. Walaupun di dalam Undang-undang yang dibahaskan sekarang ini tidak menyebutkan berkenaan dengan Mahkamah Syariah tetapi ialah berkenaan Mahkamah Kehakiman. Mahkamah Kehakiman boleh difahamkan di sini tidak termasuk Mahkamah Syariah, tetapi tidak pula dinafikan, tidak ditidakkan Mahkamah Syariah itu, sepatutnya kalau hendak ditidakkan dimasukkan dalam bracket "tidak termasuk Mahkamah Syariah" supaya terang. Jadi sebab itu ada "celah" bagi saya hendak masuk di sini.

Saya berasa termengkelan berkenaan dengan Mahkamah Syariah, lebih-lebih lagi semalam seorang daripada Ahli Dewan Negara ini, seorang wanita Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini semalam telah berucap di dalam Ucapan Penangguhan berhubung dengan Mahkamah Syariah. Beliau menyebutkan bagaimana perasaan tidak puas hatinya di atas perjalanan undang-undang yang ada sekarang ini.

Perkara yang besar sekali ialah masalah Mahkamah Syariah, Mahkamah Adat atau Mahkamah Sivil sekarang ini semua sekali adalah tertakluk sama ada di bawah Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, di bawah satu Kerajaan belaka dan boleh perkara ini disenaraikan dengan tolak ansur ataupun diselaraskan. Tetapi yang menjadi pelik kepada kita sekarang ini, kalau kita baca di dalam Perlembagaan yang ada sekarang ini, memang diperuntukkan dalam Perlembagaan Malaysia ini perkara-perkara yang dikhaskan bagi Kerajaan Persekutuan dan yang dikhaskan bagi Kerajaan-kerajaan Negeri dan perkara-perkara kepentingan bersama di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri disenaraikan di dalam jadual-jadual seumpama apa yang dikhaskan bagi Negeri-negeri ialah disenaraikan di dalam Jadual Kesembilan, Senarai 2, perkara yang kebanyakannya berhubung dengan agama, seumpama dalam perkara-perkara perkahwinan, tuntutan nafkah, harta sepencarian, harta wakaf, zakat, baitulmal, dan sebagainya. Itu perkara Negeri, disebut begitu bolehlah Kerajaan Negeri mendirikan Mahkamah Syariah, melantik Hakim Mahkamah Syariah, membuat undang-undang untuk membicarakan perkara seumpama itu. Maka berdasarkan Perlembagaan ini boleh dikatakan kesemua Kerajaan Negeri pada masa sekarang ini telah mengambil peluang ini.

Yang pertama sekali membuat undang-undang (Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak atau Enakmen Pentadbiran Agama Islam) di Negeri-negeri masing-masing dengan mengambil Jadual Sembilan, Senarai 2 dan menubuhkan Mahkamah Syariah daripada peringkat bawah Mahkamah Syariah sampai kepada Mahkamah Appeal Syariah, melantik Hakim menjalankan perbicaraan

dengan kuasa yang diluluskan oleh Parlimen di bawah satu undang-undang iaitu di bawah perkara jenayah, memberi kuasa menjalankan denda sampai \$1,000.00 atau 6 bulan penjara di dalam perkara mal ataupun perkara yang berhubung dengan sivil, tak ada had boleh tuntutan sebanyak mana pun harta sepencarian tidak ada had, tetapi yang hairannya Mahkamah Sivil juga tidak ditegah untuk membicarakan perkara ini. Ini yang menjadi kacau-bilau.

Jadi, di samping Mahkamah Syariah menjalankan kuasa perkara-perkara tersebut itu, Mahkamah Sivil juga ada kuasa boleh membicarakan perkara itu, kemudian ditetapkan pula satu seksyen lagi, satu artikel lagi. Kalau sekiranya didapati bercanggah di antara keputusan Mahkamah Syariah dengan keputusan Mahkamah Sivil dan sebagainya, maka keputusan Mahkamah Syariah itu hendaklah diketepikan. Ini satu perkara yang menjadi tidak puas hati kepada orang Islam. Macam mana perkara yang telah ditetapkan, perkara itu hak kepada negeri, perkara agama boleh dibicarakan di Mahkamah Syariah perkara itu seumpama perkahwinan dan sebagainya, Kerajaan Negeri telah melantik Hakim Mahkamah Syariah menjalankan perkara itu, tiba-tiba diambil kuasa pula oleh Mahkamah Sivil atau Mahkamah Besar yang boleh membicarakan perkara ini. Apakala ada percanggahan di antara dua keputusan itu maka keputusan Mahkamah Syariah diketepikan, pakai keputusan Mahkamah Sivil.

Perkara ini berlaku di Negeri Johor dan Negeri-negeri lain juga, sebagaimana yang kita terbaca lebih kurang 5-6 bulan dahulu. Saya di sini mengucap mengenainya, Tuan Yang Dipertua, dalam Dewan yang mulia ini. Saya tak dapatlah detailnya dengan sebab saya sudah lupa perkara itu berlaku 5-6 bulan dahulu, tetapi

ceritanya ialah saman daripada seniwati Sarimah ke atas bekas suaminya berkenaan dengan nafkah anaknya. Jadi bicara di Mahkamah Syariah di Johor, Mahkamah Syariah sudah membuat satu keputusan atas kes itu, kemudian dibawa pula kes itu ke Mahkamah Sesyen Johor, bicara pula di Mahkamah Sesyen dan buat satu keputusan yang lain pula. Mahkamah Sesyen Johor itu Hakimnya, (Presidennya) seorang yang bukan Islam. Jadi begitulah, kalau menurut kes itu keputusan Mahkamah Syariah itu diketepikan.

Di Terengganu sekarang ini saya dapat tahu, Tuan Yang Dipertua, ketika saya hendak ke mari, saya mendengar khabar ada satu kes yang sedang hendak dibicarakan di Mahkamah Besar Terengganu iaitulah perkara berkenaan dengan sembahyang di sebuah masjid. Jadi berkenaan dengan perkara masjid ini dan sembahyang terletaklah perkara ini mengikut di dalam Jadual Sembilan, iaitu perkara agama yang khas bagi Mahkamah Syariah. Perkara sembahyang, perkara masjid di dalam Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Terengganu disebutkan khas berkenaan dengan masjid-masjid, masjid mana yang boleh sembahyang dan masjid yang tidak boleh, sembahyang tiba-tiba perkara ini telah dibawa kepada Mahkamah Besar pula mengatakan pihak Mahkamah Syariah atau Pejabat Agama Terengganu ini tidak betul berjalan dan perkara ini sedang berekoran kepada Mahkamah Besar. Bila hendak bicara, wallahualam. Tetapi setahu saya perkara ini sudah dibawa, jadi perkara-perkara yang seumpama inilah, saya berasa musykil macam mana kalau Perlembagaan satu, peruntukan telah ditetapkan di situ, tiba-tiba kuasanya telah bercanggah di antara satu sama lain. Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri kita kata hendak ditinggikan tarafnya, hendak diselaraskan, kenapa

dalam masa membawa Undang-undang yang ada di depan kita tidak dimasukkan sekali. Perkara-perkara yang seumpama ini hendaklah diselaraskan terus. Bila hendak ditunggu lagi?

Saya tidak faham perkara itu, jadi terpaksa saya bercakap dengan betul dan bertanya Kerajaan bila hendak tunggu lagi hendak dibuatkan satu undang-undang yang lain. Jadi perkara ini patut diselaraskan terus, ini ada Undang-undang Mahkamah Kehakiman sepatutnya kalau sekiranya perkara yang telah ada peruntukannya kepada negeri untuk membicarakannya tidaklah patut lagi perkara itu dibicarakan oleh Mahkamah-mahkamah Sivil, memasukkan satu daripadanya, bukanlah bagus begitu? Jadi tidaklah bercanggah. Kalau tidak begitu, sampai bila pun akan bercanggah. Saya pun tidak tahulah bagaimana caranya. Di depan kita ini, Tuan Yang Dipertua, ada satu undang-undang lagi berkenaan dengan Undang-undang Perempuan Bersuami Ekoran daripada undang-undang, Undang-undang Mahkamah Kehakiman, bicara macam ini juga barangkali. Jadi itulah saya bagi pihak diri saya menyuarakan.

Adapun apa yang disuarakan semalam oleh Yang Berhormat wakil wanita berkenaan dengan hukum-hukum saya berasa musykil juga. Yang sebenarnya di dalam Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak ataupun agama Islam yang ada pada hari ini setahu saya di dalam negeri mana pun tidak bercanggah dengan Hukum Syarak kerana berhubung dengan hukuman jenayah dan perkara jenayah ada dua jenis. Dalam hukum syarak satu yang ditetapkan oleh Tuhan yang dinamakan hudud seperti orang yang mencuri hukumannya kerat tangan, orang berzina kena 100 rotan sebat. Perkara di dalam undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak tidak

disebut hal itu, di dalam undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak memang perkara itu tidak dimasukkan kerana itu hukum Tuhan yang tak boleh dipinda-pindahan yang adanya ialah berkenaan kuasa takzir iaitu kuasa Hakim. Hakim boleh menjalankan hukuman menurut budibicaranya seperti denda atau sebagainya, takzir kepada pesalah-pesalah yang cuba hendak melakukan kesalahan yang tersebut.

Seumpama kalau hendak melakukan zina, dia sebelum berzina itu dia berkhawat dahulu, berdua-duaan di tempat yang sulit, lalu dia ditangkap, maka dia dituduh di bawah undang-undang khalwat, bukannya di bawah undang-undang zina, itu yang dikenakan 3 bulan jel ataupun 2 bulan atau ada negeri \$100 denda. Itu terpolang kepada budibicara Hakim, tidak bercanggah dengan Hukum Syarak. Jadi ada setengah orang yang tidak faham dikatakan itu hukum zina yang sebenarnya itu bukan hukum zina. Barang siapa mengatakan itu hukum zina dia bercanggah dengan hukum Tuhan. Kalau bercanggah dengan hukum Tuhan maka berdosa besarlah dia, tidak ada negeri yang menyalahi hukum hudud itu. Jadi apa yang ada di dalam Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak yang ada pada masa ini kebanyakannya ialah takzir, dalam bahasa Arab kata takzir atau di dalam Bahasa Melayu kita kata "dera" sahaja, sebagai hendak ajar sahaja supaya jangan buat lagi, pukul dia atau penjara dia, itu sahaja.

Jadi inilah pandangan saya, Tuan Yang Dipertua, berkenaan Rang Undang-undang ini. Saya fikir ada moleknnya kalau sekiranya kekuasaan Mahkamah Sivil ataupun Hakim-hakim Besar itu dihadkan daripada Mahkamah Syariah ini apakala kuasa sudah diberi lebih-lebih lagi tauliah Hakim-hakim Besar dan tauliah Hakim-hakim Mahkamah Syariah ini

semua sekali diberi oleh Duli Yang Maha Mulia Raja-raja kita, jadi moleklah diselaraskan supaya masing-masing jangan langgar sempadan orang lain supaya perkara ini boleh berjalan dengan baik. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang Dipertua, sepertimana Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mahmoud Salim sedia maklum bahawa Mahkamah Syariah adalah dikuasai oleh enakmen Dewan Undangan Negeri dan Mahkamah Sivil adalah ditentukan oleh undang-undang Persekutuan.

Pada hari ini kita membincang berhubung dengan Mahkamah Sivil, maka kerana itulah undang-undang Federal ini kita bincang untuk mengaitkannya dengan masalah-masalah yang berhubung dengan sistem kehakiman sivil. Maka amatlah tidak kena tempatnya di dalam Akta ini yang berhubung dengan Mahkamah-mahkamah Sivil untuk kita peruntukan pula peruntukan-peruntukan yang berkait dengan Mahkamah Syariah, maka itu sudah pasti bertentangan dengan Perlembagaan. Sungguhpun pandangan Yang Berhormat itu baik dan bernas, tetapi malangnya tidak dapat dibincangkan di sini oleh kerana kalau dibincang, maka ianya bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua *memperkerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditempokkan selama 40 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.30 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.20 petang.

(Tuan Yang Dipertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

RANG UNDANG-UNDANG PEREMPUAN BERSUAMI (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.20 ptg.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Perempuan Bersuami 1957 dibaca bagi kali kedua.

Tuan Yang Dipertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda Seksyen 11 Ordinan Perempuan Bersuami 1957. Mengikut peruntukan Seksyen 11 (1) jika terdapat apa-apa persoalan di antara

seorang suami dan isteri berhubung dengan hakmilik atau pemilikan harta, perkara tersebut hendaklah dibicarakan dan Mahkamah Tinggi kecuali jika nilai harta tersebut kurang daripada \$2,000 ianya akan dibicarakan di Mahkamah Sesyen. Angka \$2,000 itu ditetapkan ialah oleh kerana pada ketika Ordinan ini mula berkuatkuasa bidangkuasa untuk perkara yang sama yang diberikan oleh Akta Mahkamah Rendah tahun 1948 iaitu Akta yang menentukan bidangkuasa Mahkamah Sesyen ialah pada tahap \$2,000. Di dalam tahun 1971 Akta Mahkamah Rendah tahun 1948 telah meningkatkan bidangkuasa Mahkamah Sesyen kepada \$5,000 dan di dalam tahun 1978 kepada \$25,000. Walaupun demikian, bidangkuasa yang diberi kepada Mahkamah Sesyen di bawah Ordinan Perempuan Bersuami tahun 1957 telah tidak diubah dan kekal pada tahap \$2,000. Memandangkan hal ini dan agar tidak membebankan kerja-kerja Mahkamah Tinggi adalah difikirkan tidak wajar dikekalkan had bidangkuasa Mahkamah Sesyen di bawah Ordinan Perempuan Bersuami 1957 kepada hanya \$2,000 sahaja, sedangkan bidangkuasanya di bawah Akta Mahkamah Rendah tahun 1948 itu telah dinaikkan.

Maka tujuan pindaan ini adalah untuk memberi bidangkuasa kepada Mahkamah Sesyen bagi menguruskan perkara sedemikian di bawah Ordinan Perempuan Bersuami 1957 selaras dengan yang diberi kepadanya di bawah Akta Mahkamah Rendah 1948. Mengambil kira bahawa mungkin bidangkuasa sebanyak \$25,000 yang berkuatkuasa pada hari ini mungkin dinaikkan lagi pada masa hadapan, Rang Undang-undang ini tidak menetapkan jumlah nilai wang tetapi menetapkan bahawa jika apa-apa persoalan timbul antara seorang suami dan seorang isteri berhubung dengan

hakmilik ataupun pemilikan harta, perkara tersebut hendaklah dibicarakan di Mahkamah Tinggi kecuali jika nilai tersebut termasuk di dalam bidangkuasa Mahkamah Sesyen di mana ianya hendaklah dibicarakan di Mahkamah Sesyen.

Tuan Yang Dipertua, di dalam Seksyen 11 (3) Ordinan Perempuan Bersuami 1957 ada terdapat perkataan "private room" seseorang Hakim atau Yang Dipertua digunakan. Oleh kerana pada masa ini perkataan yang digunakan ialah "Chambers" adalah difikirkan sesuai pindaan dibuat bagi memperbaiki bahasa yang digunakan dan juga bagi maksud mengemaskinikan tentang kegunaan perkataan tersebut.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Perempuan Bersuami 1957 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.25 *ptg.*

Tan Sri Dato Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang Dipertua, saya menyokong Bil ini bagi diluluskan oleh Dewan, akan tetapi saya mohon Kerajaan menimbangkan semula supaya peruntukan yang harus dibicarakan di Mahkamah Rendah itu ditingkatkan.

Umpamanya sekarang, Tuan Yang Dipertua, sesebuah rumah yang dibeli

oleh suami isteri berharga lebih daripada \$68,000 iaitu rumah teres. Disebabkan mereka bercerai, mereka menuntut hak masing-masing. Maka di sini nilai \$68,000 itu mestilah dibawa ke Mahkamah Tinggi.

Kita tahu sekarang, Tuan Yang Dipertua, tanggungan Mahkamah Tinggi adalah berat dan ini mengambil masa pula baru boleh dibicarakan. Kadangkala memakan masa yang agak lama setahun. Jadi, saya harap Kerajaan menimbangkan supaya kuasa Mahkamah Tinggi itu dikendurkan, direndahkan lagi setakat harga \$100,000 supaya ia dapat diselesaikan di Mahkamah Rendah. Jikalau dengan keadaan Rang Undang-undang yang ada ini masalah itu tidak akan boleh putus dengan cepat, sedangkan perkara muslihat isteri bersuami ini berlaku penceraian bukan sahaja penceraian masa mati tetapi berlaku penceraian masa hidup, maka pada masa itu masing-masing menuntut hak dan hak itu ada di dalam undang-undang. Jadi, hendaklah dibicarakan juga di Mahkamah Tinggi. Inilah saya mohon kerana ini kesulitan kepada orang ramai kerana harga barang, harga rumah dan sebagainya sudah meningkat dan nilaian di Mahkamah Rendah \$25,000 itu pun tidak mencukupi. Saya mencadangkan kepada pihak Kerajaan supaya menimbangkan menurunkan kuasa sedikit Mahkamah Tinggi kepada Mahkamah Rendah dan Mahkamah Rendah hendaklah naikkan kadar itu kepada kadar yang lebih sesuai mengikut keadaan zaman dan masa.

5.28 *ptg.*

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang Dipertua, pada hari ini bidangkuasa Mahkamah Sesyen ialah \$25,000. Bermakna sekiranya nilai harta yang dibicarakan itu \$25,000 maka bolehlah ianya dibicarakan di Mahkamah

Sesyen ataupun Mahkamah Rendah, tetapi sekiranya nilai harga itu daripada \$25,000, maka ianya hendaklah dibicarakan di Mahkamah Tinggi.

Pandangan Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato Haji Abdul Razak itu amatlah baik bagi menambahkan lagi bidang kuasa Mahkamah Sesyen supaya kes-kes yang dinilainya lebih daripada \$25,000 dapat dibicarakan di Mahkamah Sesyen atau Mahkamah Rendah, maka Kerajaan akan mengkaji buruk baik cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tan Sri itu dan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih di atas cadangan yang dibuat oleh beliau.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang Dipertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.30 ptg.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang Dipertua, saya pohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta meminda Akta Pertubuhan, 1966 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang Dipertua, Akta Pertubuhan 1966 telah digubal dengan tujuan untuk membendung dan mengawal kegiatan kumpulan kongsi gelap, kumpulan subversif dan juga untuk memberi perlindungan kepada ahli-ahli pertubuhan faedah bersama. Peruntukan yang ada dalam Akta ini telah memberi kuasa kepada Pendaftar untuk melaksanakan tanggungjawabnya mengawal pertubuhan-pertubuhan yang didaftarkan dan ianya dapat mengatasi masalah-masalah yang wujud di masa itu.

Tuan Yang Dipertua, dalam jangka waktu hampir 18 tahun ini iaitu sejak Akta ini diwujudkan terdapat perkembangan yang begitu pesat di negara kita ini baik dari segi perkembangan ekonomi, sosial, pelajaran dan sebagainya. Untuk menyesuaikan dengan keadaan yang wujud di negara kita sekarang dan juga untuk mencerminkan sikap liberalisma yang diamalkan oleh Kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang ini Kerajaan berpendapat sudah tibalah masanya Akta ini dipinda.

Tuan Yang Dipertua, pindaan-pindaan yang dibuat dan dibentangkan di Dewan yang mulia hari ini adalah hasil dari kajian yang menyeluruh yang dibuat oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga setelah

mengambil kira cadangan-cadangan, pandangan-pandangan serta syor-syor yang membina yang telah diperolehi hasil perbincangan dengan pihak-pihak pertubuhan dan juga orang-orang perseorangan.

Tuan Yang Dipertua, suka saya memaklumkan bahawa setelah pindaan ini dibentangkan di Dewan Rakyat ianya telah mendapat sokongan dan sambutan yang baik dari semua lapisan masyarakat sama ada dari pemimpin-pemimpin masyarakat, akhbar-akhbar berpengaruh dan tidak ketinggalan juga pihak Pembangkang sendiri. Ini jelas membuktikan bahawa sikap liberalisma yang diamalkan oleh Kerajaan kita sekarang ini mendapat sokongan yang bulat dari rakyat di negara ini.

Tuan Yang Dipertua, walaupun sikap liberalisma ini diterima oleh rakyat, namun begitu suka saya memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa Kerajaan tidak akan lalai dari tanggungjawabnya dalam memelihara ketenteraman awam dan keselamatan negara. Kerajaan akan senantiasa mengawasi keadaan agar pihak musuh tidak akan mengambil kesempatan dari sikap liberalisma ini untuk memporakperandakan keadaan yang boleh menjejaskan ketenteraman awam dan keselamatan negara. Kita akan mengambil tindakan tegas ke atas sesiapa sahaja yang didapati melanggar undang-undang negara.

Tuan Yang Dipertua, pindaan-pindaan penting yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini ialah yang menyentuh:

- (i) Peruntukan mengenali pertubuhan-pertubuhan sebagai pertubuhan politik dibatalkan. Dengan ini Bahagian IA dan tafsiran mengenai pertubuhan politik

dibatalkan. Pindaan ini dicadangkan oleh kerana ada kesulitan mengenali pertubuhan-pertubuhan sebagai pertubuhan politik.

- (ii) Peruntukan mengenai sekatan mengadakan perhubungan/ pergabungan luar negeri iaitu Seksyen 11A dibatalkan. Ini bermakna bahawa pertubuhan-pertubuhan adalah diberi kebebasan untuk mengadakan perhubungan atau pergabungan luar negeri berikutan dengan pindaan ini.
- (iii) Pertubuhan kuasa muktamad kepada keputusan yang dibuat oleh Pendaftar Pertubuhan/ Menteri yang mana ianya tidak boleh dicabar di mana-mana mahkamah dibatalkan. Seksyen yang dibatalkan ialah 2A (ii), 9A (v), 11A dan 13A (iv).
- (iv) Peruntukan yang membenarkan Pendaftar/ Penolong Pendaftar memasuki mana-mana pejabat pertubuhan tanpa memberi notis terlebih dahulu dibatalkan (Seksyen 63). Ini bermakna Pendaftar/ Penolong Pendaftar dan Pegawai Pendaftaran boleh memasuki pejabat-pejabat pertubuhan di atas sebab-sebab pertubuhan itu melanggar kehendak-kehendak Akta Pertubuhan atau undang-undang tubuhnya hanya setelah memberi notis terlebih dahulu.
- (v) Peruntukan yang menghendaki pertubuhan memberitahu Pendaftar tentang perubahan tempat mesyuarat dibatalkan: (Seksyen 11). Dengan ini pertubuhan adalah bebas

mengadakan mesyuarat di mana-mana tempat tanpa memberi tahu atau mendapat kebenaran Pendaftar terlebih dahulu.

(vi) Peruntukan baru iaitu Seksyen 8A adalah dicadangkan bagi memastikan bahawa tanggungan bagi kontrek yang dibuat oleh mana-mana cawangan sesuatu pertubuhan adalah terletak kepada cawangan itu sendiri dan tidak kepada pertubuhan itu melainkan kebenaran atau persetujuan telah diberi terlebih dahulu.

(vii) Pindaan-pindaan lain yang dicadangkan adalah bagi mengatasi masalah-masalah pentadbiran. Di antara seksyen yang terlibat ialah Seksyen 10, 13, 17, 21, 23, 31 dan 67.

Seksyen 10—memberi kebenaran kepada orang-orang awam memeriksa hanya dokumen-dokumen yang difailkan mengikut kehendak-kehendak Akta seperti sijil-sijil, notis-notis, perintah-perintah dan lain-lain dokumen yang dikeluarkan mengikut kehendak Akta.

Seksyen 13—memberi kuasa kepada Pendaftar membatalkan mana-mana pertubuhan yang telah didaftarkan di atas sebab-sebab pemberian maklumat-maklumat yang palsu.

Seksyen 17—memberi kuasa kepada Menteri mengarahkan baki harta kepunyaan

pertubuhan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Persekutuan Yang Disatukan (Federal Consolidated Fund) sekiranya pertubuhan itu dibatalkan atas sebab-sebab keselamatan atau ketenteraman awam dan di atas permintaan pertubuhan itu sendiri.

Seksyen 21—membuka keahlian sesuatu 'pertubuhan faedah bersama' daripada sebuah kampong ke sebuah mukim.

Seksyen 23—membolehkan ibu mertua/bapa mertua menikmati faedah-faedah daripada pertubuhan faedah bersama.

Seksyen 31—membolehkan pertubuhan-pertubuhan faedah bersama membuat perbelanjaan yang lebih daripada jumlah yuran bulanan yang ditetapkan untuk tujuan pentadbiran sekiranya diluluskan oleh Pendaftar.

Seksyen 67—memberi kuasa kepada Menteri membuat peraturan mengenai pertubuhan faedah bersama mengguna pendapatan yang diperolehi selain daripada yuran ahli untuk perbelanjaan pentadbiran.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan 1966 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.44 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan 1966 ini.

Saya rasa Kerajaan kita yang dipimpin oleh Perdana Menteri Dato' Seri Dr Mahathir begitu berani dan saya rasa boleh dikatakan paling berani mengubah perkara ini sehingga begitu liberal, begitu sederhana sehingga memberi peluang-peluang; segala pertubuhan-pertubuhan dalam negeri ini begitu senang, selesa dan mendapat tempat yang tidak mengancam apa-apa sahaja pun. Mungkin ini banyak baiknya kepada negara kita kerana negara demokrasi dan memberi suara kepada seluruh rakyat dengan sebenar-benar kebebasan sebagai kata salah satu daripadanya dalam perkara ini ialah semua tafsiran mengenai Pertubuhan Politik dibatalkan. Maknanya masalah-masalah Pertubuhan Politik tidak ada kesulitan sama sekali termasuk sekatan perhubungan, pergabungan luar negeri pun dibatalkan. Maknanya dibenarkan.

Saya tidak payahlah mengulang sampai 7-8 atau akhir pendekatan yang begitu luas dan begitu liberal seperti saya kata tadi. Tetapi kalau bagaimanapun, saya harap sebab di

negeri kita ini ada berbagai-bagai kaum dan sebagai sejarah telah melihatkan berbagai-bagai kejadian telah berlaku, kadang-kala kejadian-kejadian yang mengempar dan mengerunkan berlaku dalam negeri kita, oleh sebab berbagai-bagai kaum, berbagai-bagai fahaman dan berbagai-bagai agama di negeri kita ini. Rasa saya bagaimana liberal pun kita dalam bentuk Akta ini, saya rasa mungkin jadi bahaya di masa yang akan datang.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan kalau berlaku atau ada pelanggaran peraturan-peraturan dan keamanan serta kestabilan negara, pihak Menteri yang berkenaan tidak ragu-ragu mengambil tindakan. Tetapi pada pandangan saya ini adalah undang-undang dan apa-apa tindakan pun adalah tertakluk kepada undang-undang yang dimeterikan.

Saya suka mengingatkan Kerajaan terutama apabila saya menelek semua peruntukan tempat mesyuarat dibatalkan, sebab dalam negeri kita ini siapa pun tidak dapat nafikan subversif komunis, samseng, penyamun dan sebagainya; bukan di dalam hutan sahaja, dalam pekan biasa terjadi dengan berbagai-bagai hal yang luar biasa berlaku dalam negeri kita ini.

Saya rasa haruslah Kerajaan mengambil ingatan, dengan bebas mengadakan mesyuarat di mana sahaja. Maknanya pada fahaman saya di pekan boleh, di bandar boleh, di rumah boleh, di cerok hutan boleh, di mana pun boleh. Kalau begitu barangkali fahaman saya tidak betul, tetapi saya minta maaf. Mengikut fahaman saya peruntukan tempat mesyuarat dibatalkan, maknanya dahulu dikontrol oleh Kerajaan, beritahu di mana mesyuarat, di mana tempat; tetapi sekarang tidak dibatalkan, boleh dibuat di mana sahaja. Saya rasa ini satu perkara yang

harus difikirkan oleh Kerajaan sebab negara kita dengan keadaan yang berbagai-bagai corak, idea dan fahaman yang payah kita satukan. Katakanlah seperti sekarang dalam bentuk Perlembagaan negara kita, kebudayaan negeri Malaysia ini telah ditentukan, kebudayaan berteraskan bangsa Melayu, kebudayaan Melayu, tetapi baru-baru ini satu gejala telah menjadi pertubuhan dibebaskan dan beberapa pertubuhan dari semua negeri dalam Malaysia juga mengumpulkan berpuluh pertubuhan dan meminta kebudayaan dalam negeri ini semua bangsa. Ini kenyataan, siapa pun tidak dapat melarikan diri.

Pada pandangan saya kelonggaran yang terlampau kuat adalah membahayakan negeri kita sendiri, sebab itu bagaimanapun saya memohon kalau boleh dipinda tentang ini, saya mahu dipinda. Minta maaf sebab tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan semua Ahli Dewan tidak membangkang dan bersetuju, tetapi biarlah hina-dina saya mengesyorkan demi keutuhan negara, bangsa kita Malaysia ini sebab peruntukan tempat mesyuarat dibatalkan diberi dengan sewenang-wenangnya, saya rasa harus dipinda tempat mesyuarat atau mengadakan mesyuarat harus diberitahu Kerajaan terutama beberapa perkara yang tertentu yang termaktub dalam Perlembagaan negara kita dan Rukunegara kita.

Tuan Yang Dipertua, saya risau dalam tujuan Kerajaan kita yang begitu radikal dan berani sekarang ini, Kerajaan Malaysia yang makmur, bahagia, aman sentosa, maju ke depan, saya risau dengan kelonggaran Akta Pertubuhan yang semacam ini besok bolehlah pula sebagai satu gejala yang akan merosakkan tujuan murni pemimpin kita dan Kerajaan kita pada hari ini sebagaimana yang banyak kita lihat dalam dunia.

Saya tertarik dengan apa yang ada dalam sejarah yang telah lalu iaitu negeri-negeri besar dan pemimpin besar, tetapi saya hendak tengok lebih dekat dunia kita di sebelah sini walau negara yang kecil dia boleh jalankan terus keutuhan dan ketenteraman yang menjalankan undang-undang tetap undang-undang tidak berganjak, tidak diubah-ubah, barangkali orang mengatakan 18-19 tahun sudah lapuk, tetapi kepada satu undang-undang dalam negara yang tertentu walau dia 100 tahun dia terus kita pelihara, sebab itu menjaga keselamatan dan keutuhan negara kita sendiri.

Manusia ini adatnya, Tuan Yang Dipertua, walau bagaimanapun sikap liberal kita, walau bagaimanapun kesederhanaan kita, tetapi manusia tetap manusia, kita bersikap liberalkah atau sederhanakah, kata dia tidak ada sederhana. Kita beri kebaikan, kemudahan; dia kata ada juga lagi Kerajaan kita yang tidak bagus. Jadi keburukan juga, walaupun kita beri kesederhanaan yang begitu liberal seperti yang kita katakan itu. Jadi kalau tujuan kita hendak menunjukkan kita ini liberal, kita ini begitu kesederhanaan, Kerajaan yang begitu mendengar seluruh kata-kata rakyat tetapi itu juga tidak menepati dalam tujuan murni kita sebab adat manusia walau bagaimanapun setelah kita tengok Junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. menjadi pemimpin pun berapa banyak yang bagus-bagus, yang murni diadakannya tetapi masih banyak yang menentangnya mengatakan tidak betul hatta kepada bapa saudaranya sendiri. Begitulah satu contoh kepada Kerajaan kita saya mengingatkan supaya kemudahan-kemudahan yang terlalu longgar yang begini rasa saya membahayakan kita dalam masa akan datang, apa lagi kita di dalam masyarakat majmuk, yang kita nafikan. Sentimen perkauman saya payah hapuskan, siapa pun mengatakan begini, baru hendak menjadikan kebudayaan Melayu

berteraskan sudah buat lain, baru hendak menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa Ibunda sudah kata bahasa semua bangsa. Apa ini, Tuan Yang Dipertua? Macam mana kita katakan liberal, macam mana kita hendak bersatu.

Jadi gejala yang macam ini kita perhatikan dalam akta-akta negara kita ini harus kita buat dengan teliti, kalau perlu jangan diubah. Katalah orang luar negeri kata negeri kita ini terlalu kuku besi, biarkan dia bercakap, dia tidak tahu apa iklim dalam negeri kita sendiri, kita yang tahu. Sehingga orang luar datang ke sini dahulu mengatakan kita ini diktator dan sebagainya, jangan peduli sebab dia orang luar, dia pun datang sekali ke negeri kita. Manakah lojik manusia, alam fikiran yang seagong manusia mengatakan, mereka yang baru datang sekali tidak tahu, dia boleh mengatakan keburukan dan kebaikan negeri kita, tidak ada lojik sekali, Tuan Yang Dipertua, Sebab itu kalau kita dengar cerita-cerita yang mengatakan begitu kita tidak boleh pakai.

Saya bukan hendak mengkritik Kerajaan, saya sebenarnya menjunjung kebaikan Kerajaan dan apa yang dijalankan oleh Kerajaan tetapi sebagai Ahli Dewan yang mengangkat sumpah kita kena menjaga kestabilan negara ini sehabis daya upaya kita dari semua aspek yang harus kita pandang dan kita fikirkan masa ini, masa hadapan 10 tahun, 20 tahun atau 100 tahun ke hadapan.

Saya pandang pembina Akta ini seorang yang bijak, yang fahamannya sangat luas, fahaman yang terlalu mempunyai kemanusiaan yang tinggi dan menunjukkan kepada dunia bahawa liberalnya sangat-sangatlah boleh kita banggakan tetapi saya fahamkan pula tidak ada liberal yang tidak ada kesederhanaan, di mana-mana negeri juga dalam dunia ini yang

boleh diikuti oleh manusia tetapi yang meruntuhkan negeri itu juga sendiri, tidak ada. Kalau dia tidak mengikut undang-undang kadangkala dalam satu negara kita bercakap di mana-mana orang mengatakan keras yang mana tidak keras, hanya negara itu yang aturan dan peraturan negara itu, itulah yang berjuang dengan selamat. Begitu juga hukum Allah. Tadi ada saudara di sini menyebutkan siapa mencuri pancung tangannya, Tuan Yang Dipertua. Ada orang mengatakan itu hukuman yang tidak betul, keras sangat tetapi dia tidak tahu bahawa hukuman yang begitu tidak ada siapa yang berani lagi hendak mencuri, potonglah kalau tidak percaya. Ini juga Kerajaan kita jangan takut sangat dengan kritik orang ini. Yang sebenarnya membunuh kita, ini telah terjadi dalam negeri kita, saya tidak mahu sebut ini berbagai-bagai sudah terjadi. Apabila kita longgarkan lagi Akta ini saya rasa mungkin akan terjadi macam-macam lagi bahaya dalam negeri kita. Jadi sebagaimana saya kata baru-baru ini sudah buka pula satu pertubuhan dalam tanahair kita sekarang yang telah menunjukkan belang yang memalukan sekali dan saya pandang ini bahaya.

Saya tidak hendak bercakap banyak di dalam ini tetapi saya mengusulkan peruntukan mengenai tempat mesyuarat ataupun hal-hal mesyuarat itu dibatalkan semua sekali. Saya mohonlah kasih sayang daripada pengasas ini membetulkan balik yang ini hendaklah jangan dibuang, jangan dibatalkan. Kalau kuasa sudah kita batalkan, sudah boleh sewenang-wenang mengadakan mesyuarat, serupa juga seperti kita beri satu bahaya dadah yang akan merosakkan kita lebih-lebih kepada bangsa kita sendiri sebab dia dapat dengan secara mudah macam itu, membunuh kita sendiri balik.

Jadi itulah saya mohon peraturan tempat mesyuarat dan peraturan-

peraturan tertentu demi keselamatan negara jangan dibatalkan. Ini senjata di mana negeri pun dalam dunia ini dibuat, jika negeri itu hendak menegakkan undang-undang, menegakkan keselamatan, keutuhan, imej atau bangsa negara itu, ini penting; control Kerajaan, jangan tidak ada control. Saya percaya boleh kita kata siapa juga yang melanggar, siapa juga yang menentang dasar keamanan Kerajaan kita tidak tangguh lagi—tangkap, itu boleh tetapi itu bukan undang-undang. Yang undang-undang ada termaktub dalam satu-satu undang-undang. Jadi apa yang termaktub dalam undang-undang, jika hendak mengadakan mesyuarat di mana tempatnya, mesti diberitahu kepada Kerajaan, Kerajaan kita berkuasa dan kalau perlu kita hantar wakil kita pergi dalam mesyuarat itu. Yang itu satu mesti ada, kalau tidak hancurlah segala tujuan-tujuan kita yang murni bagi kebaikan negara kita, bangsa kita, generasi kita yang akan datang.

Tuan Yang Dipertua, tadi saya hendak bercakap banyak tetapi apabila sudah bercakap ini lupa pula. Sekianlah, saya bagaimanapun menyokong penuh Rang Undang-undang bagi meminda Akta Pertubuhan, tahun 1966 yang dibawa oleh saudara muda saya, Dato' Haji Suhaimi.

5.57 ptg.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang Dipertua, saya berasa ghairah bercakap di dalam Rang Undang-undang ini di dalam dua tiga fasal sahaja dan saya mengakui apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas liberalnya Kerajaan kita menimbangkan pertubuhan-pertubuhan ini setengah-setengahnya saya akui benar. Akan tetapi ada satu dua perkara yang patut kita mengkaji

buruk baiknya dengan mendalam bagi keselamatan negara kita pada masa yang akan datang.

Satu daripadanya ialah pemansuhan penerimaan wang bantuan dari luar negeri kepada pertubuhan-pertubuhan dalam negeri kita. Saya rasa perkara ini patut dikaji dengan mendalam dan jangan dipandang kepada keadaan pada waktu ini, kita mesti memandang kepada masa ke hadapan.

Seumpamanya Gerakan Revolusi Iran berdasarkan kepada kewujudan Islam akan tetapi berdasarkan kepada socialist supaya tidak ada pemerintahan beraja di dalam sesebuah negeri di samping menegakkan hukum Allah, Islam perjuangannya. Dan kalau ada pertubuhan dalam negeri yang seiras-iras itu umpamanya dan dia mendapat bantuan daripada luar negeri maka tentulah ia dapat satu galakan menjalankan perjuangan dan cita-citanya. Itu misalnya sebagai contoh atau lain-lain negara lagi yang boleh memberi bantuan kepada pertubuhan dalam negeri kita ini bagi tujuan menghancurkan atau memusnahkan Kerajaan yang demokrasi yang dipilih oleh rakyat umpamanya. Komunis yang ada di dalam negara kita, walaupun komunis itu kita letakkan sebagai satu musuh nombor satu tetapi sayap-sayap kirinya yang mendukung perjuangan konsep komunis itu bergerak dan dia mendapat bantuan dari luar negeri dan ini satu perkara yang akan merosakkan negeri kita. Adakah Kerajaan berfikir ini satu perkara yang patut ditimbangan. Tetapi mengikut Rang Undang-undang ini dizahirkan bahawa tiada sekatan sebarang pertubuhan negeri ini menerima bantuan-bantuan dari luar negeri.

Saya sedar satu masa dahulu penuntut-penuntut kita di London yang berorganisasikan keislaman pernah mendapat bantuan daripada

Kerajaan Libya, pertubuhan kebajikan mereka di London sana mendapat bantuan daripada Kerajaan Libya dan mereka daripada memandang, bercakap, membuat syarahan dan sebagainya mengutuk Kerajaan yang ada di Malaysia pada waktu itu. Walaupun perkara ini kita tidak boleh mengawal akan tetapi kalau pertubuhan dalam negeri kita sendiri mendapat bantuan dari negeri luar dengan tujuan menghapuskan atau merosakkan keamanan keselamatan negara kita, adakah kita luluskan mengikut Perlembagaan, mengikut Rang Undang-undang yang akan kita luluskan dan tidak lama lagi akan menjadi undang-undang.

Itu satu contoh yang saya mohon Kerajaan menimbangkan sebaik-baiknya dalam perkara ini. Bukan ertinya bila tukar Menteri bertukar undang-undang. Tiga tahun dahulu kita buat pindaan ini, dalam tahun 80an kalau tidak silap saya. Selepas tiga tahun perubahan dijalankan, pertukaran Menteri, Menteri ini buat pula undang-undang bagi menyatakan liberalnya Kerajaan ini.

Saya bersetuju setengah-setengah pindaan ini, tetapi saya mengingatkan Kerajaan pada setengah-setengah pindaan itu supaya mereka lebih berhati-hati. Lagi satu, kita membenarkan kesatuan kita bergabung dengan luar negeri. Apa telah jadi satu ketika dahulu MAS mogok. Berapa puluh juta ringgit Kerajaan kita rugi, MAS rugi. Berjangkit kepada Kesatuan Keretapi di Pelabuhan Kelang, setelah beberapa bulan MAS lumpuh selepas daripada gerakan kemogokan kakitangannya dari semua peringkat, yang ia mendapat sokongan daripada pertubuhan luar negeri yang ianya bergabung dengan pertubuhan itu. Untuk menjaga keadaan itu, peraturan dibuat supaya kesatuan-kesatuan di negeri ini hendaklah memutus

perhubungannya dengan luar negeri. Itu pengalaman yang kita lalui dan sekarang kita pinda pula yang kesatuan di negeri ini boleh bergabung dengan luar negeri sedangkan kita tahu akibatnya. Saya fikir tentulah kita tidak lupa sejarah-sejarah yang lalu bagaimana MAS membuat permogokan hingga kita menggunakan tentera bagi mengawal Pelabuhan Kelang disebabkan Kesatuan Pengangkutan itu termasuk, bukan sahaja kakitangan MAS, tetapi juga kakitangan Railway, Keretapi. Sudah menjadi satu tajuk yang besar dalam akbar-akhbar kita pada waktu itu.

Lagi satu, pada satu ketika dahulu banyak pertubuhan-pertubuhan yang bukan politik kadang-kadang bercakap, berkempen, membuat gerakan-gerakan menentang Kerajaan daripada universiti-universiti dan sebagainya. Adakah pada masa itu dapat galakan daripada orang yang ada pada hari ini? Kita tidak boleh menimbang keadaan. Penuntut-penuntut universiti membuat permogokan-permogokan di Kelab Sultan Sulaiman bagaimana mengawal Jabatan Pesuruhjaya Tinggi British dan di setengah-setengahnya para pemimpin di waktu itu ditangkap oleh polis. Mungkin sekarang ini orang itu sudah menjadi pemimpin kita pula kerana perkara itu patut jangan berlaku, maka Undang-undang ini patut dibatalkan. Saya tidak nampak alasan hanya Menteri Yang Berhormat menyatakan kestabilan kita, kita mesti liberal maka kita menzahirkan pindaan ini. Beliau tidak menyatakan apa sebab pindaan ini dilakukan. Kenapa dan mengapa pindaan ini patut dibuat. Hanya mengatakan keliberalan, kesederhanaan Kerajaan kita maka kita pinda ini. Kalau itu sahaja alasannya tentulah tidak kuat. Kita mansuh ayat ini atau undang-undang ini kerana ini, ini, ini. Sebab Undang-undang Pertubuhan juga penting pada negara kita.

Saya tidak membangkang, saya akan menyokong Bil ini dan saya bersetuju setengah-setengah pindaan ini tetapi pada setengah-setengah pindaan itu saya tidak bersetuju kerana penjelasannya kurang tepat. Mengapa dimansuhkan supaya kesatuan-kesatuan negeri ini boleh menerima bantuan dari luar. Apa sebab? Apa sebabnya kita tidak menghalang kesatuan di negeri ini bergabung dengan luar negeri dan apa sebabnya kita mansuhkan semua pertubuhan tidak berpolitik. Sekarang sudah serupa sahaja. Mengapa? Adakah kita lupa sejarah yang dahulu? Akan tetapi setengah-setengah pindaan itu saya menyokong. Tempat mesyuarat mesti bagi tahu Pendaftar Pertubuhan itu tidak perlu. Bagi menjaga keselamatan, jika lebih daripada lima orang berkumpul kita mesti beri tahu polis, sudah memadai. Polis tahu di mana kita bersidang tetapi kalau sekiranya tempat yang kita hendak mesyuarat itu kita beri tahu Pendaftar kerana oleh sebab tempat itu kecil tidak boleh menjalankan mesyuarat, hendak beri tahu, ini merumitkan. Ini saya sokong dan saya berlawan pendapat saya dengan sahabat saya yang seorang tadi. Tetapi mengapa Undang-undang ini dimansuhkan membolehkan Kesatuan di sini mendapat bantuan dari luar negeri? Mengapa? Kita harus takut dan curiga. Pada masa ini tidak apa-apa.

Bagaimana kita sekarang dengan Kampuchea? Kerajaan Heng Samrin tidak senang hati dengan perawakan kita dan tugas kita sebagai sebuah negeri ASEAN. Dia tahu kita tidak mengaku wujudnya Kerajaan Heng Samrin. Orang-orang Heng Samrin nanti menggunakan sayap yang kelima dalam negeri kita. Beri duit, beri wang, beri galakan. Ya, sungguhpun kita boleh mengawal dia tetapi undang-undang kita membenarkan dia mendapatkan bantuan.

Bagaimana revolusi Iran berdasarkan keislaman, tetapi

memusnahkan ketahtaan, sedang Perlembagaan kita mewujudkan kedaulatan kesultanan, dan kalau Iran memberi bantuan kepada pertubuhan di sini dia tidak salah memberi bantuan itu, apatah lagi dia negeri kaya, negeri telaga minyak, dia boleh perang sehingga empat lima tahun lagi, walaupun semua kerajaan di dunia ini memikirkan sudah patut masanya berdamai, tetapi dia kata akan melangsungkan perjuangan ini sehingga Iran akan menyerah kalah atau mengaku kalah. Mengapa kita tidak bimbang? Kerana saya pun dalam kapal itu juga.

Tuan Yang Dipertua, saya menyokong Bil ini. Bagi saya sebagai ahli Kerajaan, saya juga menyokong Bil ini tetapi saya terpaksa mengingatkan Kerajaan dan saya minta penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri bukan atas alasan liberal, bukan atas alasan kesederhanaan, saya mahu alasan yang konkrit mengapa Bil ini dimansuhkan, mengapa peruntukan ini dipinda, mengapa sebabnya seksyen 1, 2, 3 sebagaimana saya katakan tadi sekurang-kurangnya untuk pengetahuan Dewan ini.

Tuan Yang Dipertua, saya sedar Dewan Rakyat sudah pun meluluskan dan saya yakin Dewan Negara ini sendiri akan meluluskan juga. Walau bagaimanapun, saya mohon penjelasan.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Dato Haji Othman bin Haji Abdullah.

6.11 ptg.

Dato Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang Dipertua, saya bersama-sama dengan sahabat-sahabat saya yang lain untuk membahaskan Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini, dan saya menyokong

Rang Undang-undang ini berdasarkan kepada betapa negara kita ini merupakan satu negara demokrasi yang bukan sahaja pada percakapan tetapi di dalam amalan, di mana rakyat mempunyai hak menentukan nasib sendiri dengan mempunyai pertubuhan-pertubuhan, mempunyai persatuan-persatuan sama ada persatuan itu berbentuk politik atau kebajikan atau sebagainya adalah dibenarkan, dibolehkan, malahan dilindungi di bawah undang-undang dan peraturan terutama sekali berkenaan dengan Akta Pertubuhan yang ada di hadapan kita sekarang ini.

Walaupun demikian, bahawa negara kita ini mempunyai kebebasan, rakyat kita mempunyai kemudahan untuk menubuhkan apa juga persatuan-persatuan yang sesuai dan yang layak bagi negara kita ini mengikut selera mereka dan mengikut peraturan dan undang-undang. Tetapi pada umumnya Kerajaan haruslah memandang lebih jauh ke hadapan, jangan terlalu liberal seperti yang disebut Kerajaan yang liberal tetapi kalau terlalu liberal dia sudah jadi perkataan yang lain. Kalau terlalu longgar maka dia tidak siapa yang hendak menghormati orang yang terlalu longgar di dalam pelaksanaan undang-undang.

Sebagai satu contoh, saya dapat kemukakan di dalam Dewan yang mulia ini di dalam masa-masa yang akhir ini kita boleh katakan banyak orang yang mempunyai hasrat untuk menubuhkan pertubuhan-pertubuhan, malahan parti-parti politik. Apakala seseorang itu yang mereka anggap sebagai tokoh di dalam politik, dikesampingkan oleh parti itu ataupun dipecat oleh parti itu atau menarik diri dari parti itu lalu mempunyai selera untuk menubuhkan parti baru maka bertambahlah parti-parti baru di tanahair kita ini hasil daripada perpecahan-perpecahan di dalam

sesuatu parti sama ada bentuknya sosial ataupun politik.

Pada masa dahulu kalau kita tengok dalam parti politik pada masa dahulu di dalam pertubuhan UMNO yang mana UMNO sebagai satu parti politik yang diwujudkan dengan Kongres Bumiputera, Kongres Persatuan Orang-orang Melayu pada tahun 1946 maka wujudlah satu apa yang dinamakan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu. Tetapi tidak lama kemudian iaitu setahun kemudian, timbul perpecahan di dalamnya mengenai soal bendera. Apakah bendera yang hendak digunakan oleh pertubuhan ini? Maka kata satu golongan, benderanya harus bentuk dan bersifat keperibadian kita sendiri. Ada orang berfikir di dalam pertubuhan itu katanya kita ini masih duduk di dalam satu tanah jajahan yang harus kita lepaskan diri kita daripada tanah jajahan ini. Untuk melepaskan diri dari tanah jajahan, kita harus menggabungkan diri kita dalam sebuah negara yang telah merdeka iaitu Indonesia. Maka patutlah bendera yang kita pakai di dalam Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu itu bercorak bendera Indonesia, yang kita sebut dengan Republik Indonesia atau Republik Melayu Raya, di mana benderanya merah putih disogokkan oleh satu parti di dalam Kongres Pertubuhan Kebangsaan Melayu itu maka timbulah perpecahan di mana kita mempunyai identiti kita sendiri, kita tidak mahu setelah kita lepas daripada penjajahan Inggeris, kita nanti akan dikongkong dari satu penjajahan dari bangsa kita sendiri, golongan kita sendiri. Kita tidak mahu, timbul perpecahan. Maka jadilah satu, apa yang dinamakan Persatuan Kebangsaan Melayu yang katanya progresif, yang katanya non-compromy—tidak ada tolak ansur, tidak ada bekerjasama, maka dituduhlah UMNO ini sebagai satu pertubuhan

neo-colonialist di mana pemimpinnya waktu itu Dato' Onn bin Jaafar. Itu sejarah betapa mulanya timbul perpecahan. Sudah dua pertubuhan orang Melayu.

Setelah banyak disatukan, kemudian daripada satu itu dipecahkan dua. Kemudian, bila orang Melayu ini bersatu pula, timbul pula fikiran baru iaitu kita harus menerima satu konsep Malaya ini kepunyaan orang Malayan, bukan kepunyaan orang Melayu; jadi UMNO ini harus dibuka pintunya kepada orang yang berketurunan Malayan—Melayu, Cina, India harus boleh masuk ke dalam UMNO. Timbul perpecahan lagi dalam UMNO. Bila timbul perpecahan dalam UMNO, keluarlah Dato' Onn daripada UMNO, tubuh satu parti baru IMP (Independent Malayan Party). Maka Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra ambil alih memimpin UMNO sebagai satu parti politik; UMNO iaitu untuk orang Melayu. Jadi Dato' Onn sudah keluar, tubuhkan satu parti—IMP. Sudah tiga parti orang Melayu. Dalam masa Dato' Onn belum keluar daripada UMNO, dia telah mencucuk dan telah bercakap kepada ulamak-ulamak supaya tuan-tuan mempunyai parti sendiri, janganlah di bawah telunjuk UMNO, tuan-tuan punyailah parti sendiri. Buatlah kongres sendiri, UMNO pun keluarlah duit, adakan kongres pada tahun 1951.

Maka tubuh pula satu parti yang bernama Persatuan Islam SeMelaya (PAS). Sudah berapa parti orang Melayu? Sudah empat. Bila sampai pada tahun 1955 keempat-empat parti politik Melayu ini tumbuh lawan sama sendiri di dalam pilihanraya yang pertama. UMNO tuduh PAS, PAS tuduh Parti Negara, Parti Negara hempas orang UMNO, macam-macam. Tuduh-menuduh terlalu hebat. Ada yang bercerai dengan suami, suami bercerai dengan isteri

berlaku disaat yang seperti itu. Ini suatu sejarah betapa banyaknya perti politik di tanah air kita. Berjalanlah UMNO ini dengan baik. Alhamdulillah, tidak adalah apa-apa, tidak ada banyak cerewet nampaknya UMNO sampai sekarang kuat, gagah tetapi PAS yang dahulunya ditubuhkan oleh UMNO itu sesudah beberapa puluh tahun, krisis timbul lagi di dalam PAS. Orang PAS tidak senang menengok pemimpin-pemimpin di dalam PAS sendiri, maka diambil satu keputusan memecat Dato Haji Mohamad bin Nasir yang sekarang ini menjadi Menteri Tak Berpotfolio di dalam Dewan ini.

Beliau pun tidak senang hati, keluar daripada parti dipecat, dia pun cari orang-orangnya menubuhkan satu parti Berjasa. Sudah berapakah parti Islam, sudah dua—satu PAS, satu Berjasa. Pilihanraya 1978, kalau saya tidak salah, di antara PAS dengan Berjasa; tahun berapa saya lupa setelah kejatuhan ini. Oh' hebat sekali sehingga Berjasa menang dan PAS gulung tikar. Hasil daripada Berjasa itu menang maka Presidennya dilantik menjadi Menteri penuh di dalam Kabinet Hussein dan Kabinet Mahathir. Tetapi, Tuan Yang Dipertua, Presiden Berjasa ini duduk diam, dia kata siapa buat aku nanti Tuhan buat dia. Tidak lama kemudian sesudah itu orang yang memecat Dato' Haji Mohamed Nasir kena pecat (*Ketawa*), Asri kena pecat pula. Dia pun tidak rasa senang juga bahawa aku pun mempunyai kedudukan yang baik juga, aku pun Presiden pernah menjadi Menteri penuh, Menteri Tanah dan Galian seperti Dato Mohamed Nasir juga Menteri penuh juga, keluar dengan tidak fasal-fasal tidak jadi buat pula satu parti yang sekarang ini namanya Hizbulmuslimin. Berapa parti orang Islam, sudah tiga. Pilihanraya akan datang Hizbulmuslimin akan kata PAS haram, PAS akan kata Hizbulmuslimin kafir, Hizbulmuslimin akan kata Berjasa

murtad, Berjasa akan kata orang ini murtad. Orang ini kata UMNO murtad, jadi semuanya nanti jadi murtad.

Tidakkah Kerajaan berfikir bahawa sikap liberal yang macam ini menghancurkan potensi kekukuhan perpaduan umat Islam dan bangsa Melayu yang sedikit jumlahnya ini? Tidakkah Kerajaan mempunyai pandangan luas bahawa keliberalan dan keghairahan untuk menubuhkan parti-parti politik ini harus disekat. Jangan besok saya keluar Dewan Negara ini, saya pun tubuhkan parti politik tidak ada halangan apa-apa. Parti politik apa pula Hizbullah pula saya keluarkan, Islam juga, dasar saya Islam. Jadi kalau saya menubuhkan parti Islam, Hizbulmuslimin menubuhkan Islam. Apakah pandangan Hizbulmuslimin terhadap PAS. Dia kata PAS tidak betul. Di mana dahulu dia mengatakan PAS itulah yang betul UMNO yang tidak betul. Di mana dahulu dia mengatakan PAS itulah yang betul, UMNO yang tidak betul. Apakah pandangan UMNO terhadap kedua-dua parti ini. UMNO akan menganggap PAS tidak betul, Hizbulmuslimin pun tidak betul, yang betul Berjasa kerana dialah yang berjasa kepada UMNO menolong untuk menghancurkan Kerajaan PAS di negeri Kelantan. Itulah yang betul (*Ketawa*).

Bagi UMNO soal ini tidak menjadi rumit, seronok, lagi banyak parti Islam lagi seronok, kita tidak ada apa-apa, goyang kaki sahaja, sebab dia sama dia akan berlaku. Tetapi apa akan berlaku masa depan umat Islam. Saya rasa Kerajaan harus mengambil perhatian. Mengambil perhatian ini, setiap parti politik gunakan Islam cukuplah satu sahaja parti politik kalau hendak gunakan Islam. Kita sudah ada Akta iaitu kita tidak benarkan gunakan Islam. Jangan gunakan Islam langsung di dalam parti politik; jangan dibawa

Islam itu langsung ke dalam parti politik.

Kalau orang mengatakan ini lain nampaknya hendak memisahkan Islam dari politik. Apa boleh buat, kita terpaksa menghadapi keadaan yang nyata. Kalau kita kumpul atau campurkan Islam dengan politik, itulah dia satu mesjid dua imam, empat imam, besok dua imam, satu imam UMNO, satu imam PAS, besok tiga imam, satu imam UMNO, imam PAS, imam Hizbulmuslimin. Kalau ada cawangan Berjasa empat imam. Imam UMNO, imam PAS, imam Hizbulmuslimin, imam Berjasa. Kalau saya hendak tubuhkan parti Islam pula lagi satu, lima imam. Lepas itu kita asah parang panjang masing-masing. Siapakah yang akan merana dengan banyaknya parti politik Islam macam ini. Siapa yang akan merana dengan banyaknya parti politik Islam macam ini. Siapa yang akan merana yang akan sengsara ialah umat Islam, yang akan diperhina orang ialah Islam dan yang akan dipandang keji oleh orang ialah Islam.

Saya teringat, Tuan Yang Dipertua, apa yang berlaku di Indonesia dalam zaman revolusi. Dalam zaman revolusi dahulu umat Islam Indonesia diwakili oleh satu partai politik sahaja iaitu Masyumi—Majlis suara Muslimin Indonesia, hanya satu partai politik sahaja. Tetapi sejarahnya mengikut sejarah macam kita juga iaitu perpecahan berlaku di dalam Masyumi. Kata orang di sana, untuk apa orang Masyumi, orang-orang yang mempunyai intelek menjadi Menteri sedangkan ulama-ulama menjadi baca doa di surau-surau sahaja sedangkan kita juga anggota partai Masyumi. Kita tidak layaklah menjadi Menteri? Ayoh, kita keluar dari Masyumi, kita tubuhkan Nadatululama maka berlainanlah, dua partai politik, satu Masyumi, Nadatululama. Nadatululama bila dia menang dalam

pemilihan umum menjadi Menteri, Masyumi bila menang menjadi Menteri. Jadi orang ini Islam, orang Islam akhirnya berlagalah di antara Masyumi dengan Nadatululama, yang satu menuduh kaum tua, yang satu menuduh kaum muda. Penghabisan daripada sejarah itu, Sukarno mengharamkan Masyumi. Masyumi habis, Islam habis, semuanya habis, maka sampai saat ini Umat Islam di Indonesia tidak mempunyai partai politik yang bernama partai politik Islam, hanya ada bernama partai politik pembangunan, maksudnya Islam. Walaupun simbolnya Kaabah tetapi kalah juga di dalam pilihanraya. Kaabah simbolnya—dia bukan bulan bintang.

Tuan Yang Dipertua, saya minta kepada Menteri atau Kerajaan supaya di dalam meluluskan parti-parti politik, terutama sekali parti politik berbentuk Islam supaya diawasi apa akan berlaku. Jangan besok sudah berlaku baharu kita hendak buat Akta ini pinda, Akta itu pinda, berkumpul itu tangkap, begitu begini dan menyusahkan kita. Lebih baik dari sekarang kita kata: parti politik awak tidak dibenarkan ditubuh. Kalau atas nama Islam. Cukuplah satu, cukup dua parti Islam cukup, jangan tambah-tambah lagi.

Kalau ditambah lagi umat Islam akan lebih berpecah. Orang Indian Muslim tubuh pula satu persatuan Islam namanya KIMMA sudah berapa banyak itu. Saya rasa, Tuan Yang Dipertua, elok semua orang yang mempunyai semangat berpesatuan ini jadikan persatuan ini persatuan kebajikan seperti PERKIM, jangan berpolitik. Tubuhkan surau, tubuhkan sekolah-sekolah, adakan pondok-pondok, adakan madrasah-madrasah, adakan kuliah-kuliah pengajian seperti Darul Arqam, seperti Perkim, seperti ABIM. Jangan ABIM ini pun dahulu sudah silap dijadikan ABIM itu platform bagi orang-orang berpolitik, itu salah. Inilah kesilapan-kesilapan yang dilakukan sehingga dengan perbuatan-perbuatan yang salah itu telah menggambarkan kepada orang lain menyatakan bahawa Islam itu suka berpecah.

Tuan Yang Dipertua: Ahli Yang Berhormat, waktu sudah cuku. Yang Berhormat boleh sambung pada hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari esok, 31hb Mac, 1983.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.